

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"CARILAH idea dan contoh yang baik, bukan dengan tujuan meniru-niru reka bentuk orang lain, tetapi apa salahnya kalau setakat untuk mendapatkan idea-idea baharu dan besar?"
- Titah Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Bagi Tahun 1435H / 2014M.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسنى ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN apa jua musibah yang menimpa kamu, maka ia adalah disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan-tangan kamu dan Allah mengampunkan sebahagian besar daripada dosa kamu."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah As-Syura, ayat 30.

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.41

SUBUH
4.51

SYURUK
6.08

DUHA
6.30

ZUHUR
12.11

ASAR
3.23

MAGHRIB
6.12

ISYAK
7.21

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 118

2 OKTOBER 2019 / 1441 3 صفر

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Perutusan tahniah Ulang Tahun Pengasasan Republik Rakyat China



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan juga kepada Premier of the State Council, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang serta kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China sempena Ulang Tahun Ke-70 Pengasasan Republik Rakyat China.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan juga kepada Premier of the State Council, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang serta kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China sempena Ulang Tahun Ke-70 Pengasasan Republik Rakyat China.

Dalam titah perutusan kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping, Kebawah Duli Yang Maha Mulia merakamkan kegembiraan berjumpa dengan Tuan Yang Terutama

semasa Forum 'The Second Belt and Road Forum for the International Cooperation' dan berpeluang bertukar-tukar pandangan tentang tatacara bagi mengembangkannya rakan kongsi kerjasama strategik juga menerokai kerjasama dalam bidang baharu yang mempunyai sinergi di antara 'The Belt and Road Initiative' dan Wawasan 2035.

Baginda selanjutnya menyatakan Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China berkongsi bersahabatan yang bersejarah dan kerjasama yang rapat dalam pelbagai bidang yang mempunyai kepentingan bersama, dan berharap akan terus bekerja bersama dengan TYT bagi mengukuhkan pertalian yang sungguh bernilai demi kepentingan kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing.

Sementara itu, dalam titah perutusan yang sama kepada Premier of the State Council, Republik Rakyat China, Tuan

Yang Terutama Li Keqiang, baginda sangat menghargai persahabatan mesra yang sekian lama terjalin, dan juga kerjasama yang meluas yang membawa banyak kemanfaatan kepada kedua-dua buah negara. Baginda percaya rakan kongsi kerjasama strategik ini akan terus berkembang di masa akan datang dan berharap akan terus bekerja dengan Tuan Yang Terutama ke arah meningkatkan hubungan dua hala dan serantau.

Pada mengakhiri titah-titah perutusan tersebut, baginda menyampaikan salam sejahtera kepada Presiden Republik Rakyat China, TYT Xi Jinping dan juga kepada Premier of the State Council, Republik Rakyat China, TYT Li Keqiang dan semoga rakyat Republik Rakyat China akan terus menikmati kemakmuran yang berpanjangan.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

**Bukti saksi-saksi
bank
diperdengarkan**

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Bukti-bukti beberapa saksi terakhir daripada Pendakwa Raya dari Bank Standard Chartered (SCB) dan Bank Baiduri diperdengarkan hari ini di dalam perbicaraan terhadap Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman (Tertuduh Pertama) dan Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (Tertuduh Kedua) di Mahkamah Tinggi.

Dalam perbicaraan tersebut, seorang juruwang dari SCB mengesahkan telah memproses transaksi simpanan wang tunai sebanyak BND291,000 ke dalam akaun bersama kedua-dua tertuduh dalam bentuk 12 keping nota wang BND10,000; 60 keping nota wang BND1,000; 142 keping BND500; dan 400 keping nota wang BND100.

Ke muka 7



MAJLIS Tahlil kenang pertukaran Bandar Brunei menjadi BSB
Muka 8



RESEPSI Hari Kebangsaan Pengasasan Republik Korea
Muka 9



'THE Bungsu Story' calon kategori Best Asian Drama
Muka 11



SEKTOR Pelancongan jana pertumbuhan BIMP-EAGA
Muka 12

Muzakarah platform salurkan informasi terkini

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, kitani dapat berjumpa di Sesi Muzakarah antara Kementerian Pembangunan dengan Yang Berhormat - Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini.

Seperti perjumpaan pada tahun-tahun yang sudah, Sesi Muzakarah ini merupakan satu platform atau landasan bagi kementerian ini memberikan informasi terkini ataupun pendekatan serta pencerahan mengenai perkhidmatan, peranan dan tanggungjawab kementerian ini bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk secara berterusan melalui penyediaan prasarana asas di samping mengongsikan inisiatif-inisiatif strategik yang disasarkan dan diselarasakan kepada pembangunan negara khususnya dalam matlamat pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Peramba / kaola / saya berharap sesi kali ini bukan saja merupakan *a two way interactions* malahan ia juga dapat mengukuhkan lagi jalinan persefahaman dan perhubungan (*connectivity*) di antara kedua pihak di mana, Kementerian Pembangunan yang banyak terlibat dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai akan mengetahui lebih dekat lagi akan cita rasa dan aspirasi rakyat melalui dialog dan perbincangan di dalam permuzakarah ini. Inilah satu cara kita dalam mencari hala tuju negara bagi menjamin kesinambungan bangsa dan negara yang berlandaskan kepada konsep Melayu Islam Beraja.

Petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-73 Tahun, iaitu : "...berada dalam zaman yang serba mencabar. Cabaran itu pula adalah pelbagai, perlu dihadapi dengan cara masing-masing. Cabaran dalam kita adalah memastikan bahawa kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk dapat diwujudkan melalui pelbagai rancangan seperti rancangan memberikan perkhidmatan yang baik, penyediaan prasarana, yang merangkumi banyak bidang seperti kesihatan, pendidikan, perundangan, pembangunan, perhubungan dan lain-lain. Semua ini dihasratkan untuk menjamin kehidupan yang berkualiti".

Bagi menyahut titah berkenaan, Kementerian Pembangunan perlu dan sentiasa bersedia memikul dan menjalankan amanah bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini terjamin melalui penyediaan prasarana dan pelan perancangan yang menyeluruh, termasuklah



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa berucap pada Sesi Muzakarah Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya Bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2020 pada 18 Muharam 1441 Hijrah bersamaan 18 September 2019 Masihi di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

perancangan dalam meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan yang sedia ada seperti urus niaga tanah, perancangan pembangunan, kawalan kemajuan, penyediaan perumahan dan sebagainya. Cabaran yang dihadapi perlu ditangani dengan cara holistik di dalam sama-sama mencari solusi yang terbaik bagi kesejahteraan rakyat.

Melalui rangka tuju arah strategik 2018-2023 yang telah disediakan, kementerian ini telah menggariskan pelan tindakan yang perlu diambil perhatian oleh jabatan dan divisyen masing-masing yang meliputi enam strategi utama :

i. Strategi Pertama ialah Mengukuhkan dasar dan urus tadbir : ini termasuklah merebiu dasar-dasar yang difikirkan tidak lagi relevan dan tidak dapat diguna pakai kepada dasar yang lebih peka kepada aspirasi dan keperluan orang ramai, memenuhi cita rasa dan keperluan semua.

ii. Strategi Kedua ialah mengadakan perancangan bersepadu serta meningkatkan koordinasi di antara jabatan : melalui *effective communication* dan perbincangan di semua peringkat jawatan termasuklah mengukuhkan rangka kerja kawal selia (*regulatory framework*) dengan mengemaskinikan undang-undang dan peraturan yang ada pada masa ini.

iii. Strategi Ketiga ialah : Memanfaatkan teknologi maklumat di dalam penyelarasan struktur operasi dan proses; iaitu sebagai memudahkan cara dan mempercepatkan proses permohonan, pengutipan hasil, pembayaran dan

sebagainya untuk meningkatkan produktiviti kerja serta mengurangkan kos operasi.

iv. Strategi Keempat : Mengoptimalkan sumber dan aset : merupakan fokus utama dalam membantu mengurangkan bebanan kerajaan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan menggunakan peruntukan yang disediakan secara berhemah dan mengikut keutamaan supaya ia mencapai matlamat yang dihasratkan.

v. Strategi Kelima : Memperluaskan rangkaian kerjasama dengan agensi berkenaan dan seterusnya meneroka kaedah PPP untuk mencapai keberkesanan dan *cost effectiveness dalam pengurusan dan pelaksanaan projek seperti perumahan, infrastruktur jalan raya, air dan sebagainya*.

vi. Dan Strategi Keenam : Menyokong pembangunan perniagaan tempatan sebagai tunggak bagi pertumbuhan industri pembinaan (*construction industry*).

Perancangan Strategik ini akan memberi penekanan terhadap pencapaian atau *performance based approach* kementerian ini dalam pemberian perkhidmatan yang terbaik khususnya dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat selaras dengan usaha untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui pembangunan dan industri pembinaan.

Alhamdulillah hasil dari permuzakarah dan isu-isu yang dibangkitkan di dalam Majlis Mesyuarat Negara yang lepas dengan mengambil kira pandangan dan idea-idea dari Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, beberapa perkembangan dapat kita lihat pada masa ini, seperti projek-projek prasarana yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat lawati kelmarin seperti Projek Jalan Penghubung Tanah Jambu, Projek Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong, kolam takungan dan juga berkesempatan melawat ke dua buah Jabatan, iaitu Jabatan Perkhidmatan Air Tasek Lama dan Jabatan Perumahan.

Bagi tahun ini seterusnya, usaha-usaha secara berterusan semata-mata untuk memenuhi kualiti kehidupan rakyat dan penduduk negara sejajar dengan perancangan dan pelan tindakan strategik Kementerian Pembangunan akan memfokuskan kepada beberapa bidang utama bagi menangani isu-isu dan cabaran yang dihadapi pada masa kini. Aksesibiliti terhadap infrastruktur asas seperti perumahan, bekalan air bersih dan selamat, persekitaran yang bersih dan sanitasi mempunyai kesan langsung kepada kualiti kehidupan yang baik. Di sinilah kita akan berkongsi maklumat dan mendengar pandangan dan buah fikiran dari Ahli-Ahli Yang Berhormat agar dapat mencapai outcome yang holistik.

Ke muka 23

Dari Sidang
Pengarang.

2 OKTOBER 2019 BERSAMAAN 1441 صفر 3

TANAI AMANAH YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN

SIFAT amanah bermaksud menepati janji, setia dan jujur. Ia adalah antara sifat yang terpuji yang dituntut di dalam agama Islam. Perlu diketahui bahawa amanah adalah satu tanggungjawab yang amat besar dan berat untuk dilaksanakan dan ia bukanlah suatu perkara yang mudah dan diambil ringan. Oleh itu, kita hendaklah berhati-hati dan memikul sesuatu amanah yang diberikan, jangan sampai amanah yang dipertanggungjawabkan itu dikhianati.

Khutbah Jumaat baru-baru ini mengingatkan umat Islam supaya menjaga amanah kerana ia adalah sebahagian daripada iman. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengingatkan bahawa tidaklah sempurna iman seseorang itu sehingga ia menjadi orang yang menjaga dan menunaikan amanah yang telah diberikan dan dipertanggungjawabkan kepadanya.

Setiap urusan itu adalah amanah Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya. Ramai orang yang berlumba-lumba untuk mengejar nama, pangkat kebesaran dan harta duniawi sehingga amanah yang sepatutnya dilaksanakan itu telah diabaikan dan dicuainya seperti menggunakan pangkat dan kuasa yang telah diamanahkan untuk kepentingan diri sendiri dan keluarga seperti melakukan perbuatan rasuah, pecah amanah dan sebagainya.

Perlu diingat bahawa pangkat atau kuasa yang diberikan bukanlah satu keistimewaan, akan tetapi ia adalah satu amanah atau tanggungjawab yang amat berat dan wajib dilaksanakan serta ditunaikan dengan seadil-adilnya. Oleh itu, kita hendaklah memikul tanggungjawab dan menaiki amanah yang telah diberikan itu dengan tulus, jujur dan ikhlas.

Allah Subhanahu Wata'ala telah memberi peringatan kepada hamba-Nya yang beriman supaya tidak mengkhianati amanah yang diberikan. Jika kita menjaga dan menaiki amanah yang telah dipertanggungjawabkan, ia akan mendorong kita untuk melakukan pekerjaan dengan lebih tekun dan dedikasi. Terdapat beberapa perkara yang perlu kita titik beratkan dalam menjaga amanah di dalam pekerjaan seperti menjaga dan menepati waktu bekerja, tidak terjebak dalam penyelewengan seperti rasuah, judi, pecah amanah, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya.

Adalah diharapkan agar kita semua, sama ada yang bekerja dengan Perkhidmatan Awam, pihak swasta atau bekerja sendiri supaya sentiasa melaksanakan tugas dengan penuh jujur, amanah dan ikhlas. Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, pada setiap tahun kita meraikan Hari Perkhidmatan Awam dengan tujuan agar warga Perkhidmatan Awam memberikan perkhidmatan yang efisien, bersih, tulus ikhlas, jujur, berkualiti dan produktif. Tema Sambutan Hari Perkhidmatan Awam pada tahun ini ialah 'Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara'. - Ketua Penyuntingan (Hj).

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
PEKAN BANGAR		
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
PEKAN TUTONG		
32 25 °C	32 25 °C	33 25 °C
KUALA BELAIT		
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.mef.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi OKTOBER	HARI	Hijrah SAFAR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	RABU	3	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
3	KHAMIS	4	4.40	4.50	6.07	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
4	JUMAAT	5	4.40	4.50	6.07	6.30	12.10	3.23	6.11	7.20
5	SABTU	6	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.32	6.11	7.20
6	AHAD	7	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.23	6.10	7.19
7	ISNIN	8	4.40	4.50	6.07	6.29	12.09	3.23	6.10	7.19
8	SELASA	9	4.39	4.49	6.07	6.29	12.09	3.23	6.09	7.19

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Tinjau perkembangan TLDB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meneruskan keberangkatan Lawatan Kerja baginda ke Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan berkenan mendengarkan sembah penerangan semasa berangkat melawat Kuarter Master dan Dewan Makan Sementara TLDB (kiri dan kanan).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Sahrizal Haji Said

MUARA, Isnin, 30 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meneruskan keberangkatan Lawatan Kerja

baginda ke Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Sejurus keberangkatan tiba di TLDB, baginda berkesempatan meninjau perkembangan pendidikan di Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei yang menampung keramaian 208 murid dengan 29 guru bagi sesi pagi dan 223 murid dan 13 guru pada sesi petang.

Semasa berangkat melawat Pusat Koordinasi Berbilang

Negara (MNCC), baginda meninjau lebih dekat Pusat Latihan Tentera Laut termasuk Pejabat Tadbir Latihan, kelas-kelas di Bahagian Penuntut, Bilik Taklimat Samudera dan Bengkel.

Pusat berkenaan mula beroperasi sejak Ogos 2016 yang berfungsi sebagai pengurusan kursus luar negeri dan dalam negeri. Pusat Latihan Tentera Laut pada masa ini menyediakan

sebanyak 33 jenis kursus untuk anggota TLDB.

Selain menjalankan kursus, pusat berkenan juga memantau perkembangan kerjaya pegawai dan anggota TLDB sejak mula berkhidmat sehingga menamatkan perkhidmatan melalui Skim Perkhidmatan Kerjaya.

Ke muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat Pusat Koordinasi Berbilang Negara (MNCC) dan meninjau lebih dekat Pusat Latihan Tentera Laut termasuk Pejabat Tadbir Latihan, kelas-kelas di Bahagian Penuntut, Bilik Taklimat Samudera dan mendengar sembah penerangan ketika mengadakan lawatan ke rumah kelamin bagi Pegawai, Pegawai Tidak bertauliah (PTB) Kanan dan PTB Rendah (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke ke Kuarter Master TLDB termasuk Expandable Store, UET dan Misc Store, Survival Store, Clothing Store dan Store Ration serta Vanguard Logistic Store dan seterusnya berkenan berangkat melawat Syncrolift Alpha bagi demonstrasi penurunan Kapal KDB Berkat (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meneruskan keberangkatan Lawatan Kerja baginda ke Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan berkenan melawat Kuarter Master.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sembah penerangan semasa berangkat ke Limbungan Jeti Bravo.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat meninjau aktiviti pembelajaran di Sekolah Rendah TLDB.

Dari muka 3

Struktur bangunan Flat kediaman bagi anggota tentera di Jalan Padang yang tidak lagi selamat untuk didiami dan telah dikosongkan juga menjadi perhatian baginda sebelum berangkat ke Dewan Serbaguna dalam siri lawatan kali ini.

Semasa berangkat ke Limbungan Jeti Bravo, Kebawah DYMM mendengarkan sembah penerangan serta menyaksikan kerja-kerja penaiktarafan Projek Shiplift Bravo dan seterusnya berangkat melawat Syncrolift Alpha bagi demonstrasi penurunan Kapal KDB Berkat.

Kemudahan fasiliti di Berek Bujang bagi anggota TLDB turut

menarik perhatian baginda dan seterusnya berangkat ke Dewan Makan Sementara sebelum meneruskan lawatan ke Kuarter Master TLDB termasuk Expandable Store, UET dan Misc Store, Survival Store, Clothing Store dan Store Ration serta Vanguard Logistic Store Bravo.

Dalam siri lawatan kali ini, Kebawah DYMM juga berkenan berkunjung ke beberapa buah rumah kelamin bagi Pegawai, Pegawai Tidak bertauliah (PTB) Kanan dan PTB Rendah.

Mengakhiri Lawatan Kerja kali ini, baginda berangkat ke Mes Pegawai TLDB bagi Majlis Santap dan seterusnya berkenan menandatangani Lembaran Kenangan sebelum berangkat meninggalkan majlis.



KEBAWAH DYMM berkenan berswafoto bersama para pelajar di Sekolah Rendah TLDB (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan berangkat ke Mes Pegawai TLDB bagi Majlis Santap.



BAGINDA berkenan berkunjung ke berek bujang (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan mengabadikan kenangan bersama salah seorang pegawai bersama keluarga beliau ketika mengadakan lawatan ke rumah kelamin bagi Pegawai, Pegawai Tidak bertauliah (PTB) Kanan dan PTB Rendah.

Berangkat saksikan peranan, kemudahan TUDB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meneruskan keberangkatan Lawatan Kerja ke Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan berkenan mencuba Virtual Avionics Procedural (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan meninjau bilik-bilik Berek Bujang Tentera Udara Diraja Brunei.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd.
Sahrizal Haji Said

RIMBA, Isnin, 30 September. - Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei menjadi tumpuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meneruskan keberangkatan Lawatan Kerja ke Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sebagai kesinambungan keberangkatan baginda baru-baru ini.

Pada siri keberangkatan, baginda mula-mula berangkat melawat Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan dijunjung oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin

Pengiran Haji Mahmud.

Semasa berangkat ke Hanger A dan B, TUDB yang berfungsi bagi pemeliharaan pesawat, Kebawah DYMM diberikan sembah taklimat

mengenai status pesawat CN235 yang antaranya menunggu alat ganti bagi pemasangan Propeller dan botol pemadam api enjin serta berkenan menyaksikan lebih dekat peralatan-peralatan seperti Helikopter Blackhawk serta kemudahan-kemudahan bilik-bilik operasi, iaitu Simulator bagi kegunaan latihan dan Survival Equipment Section FLT Issue, Technical Equipment Maintenance Division.

Kebawah DYMM kemudian berkenan berangkat ke Cawangan Bekal (Domestic Supply Flight) dan di sini baginda meninjau kelengkapan yang terdapat dalam bilik-bilik stor antaranya Accomodation Store, Electrical Store dan Ground Support Equipment (GSE) termasuk GSE Mechanical Workshop dan Electrical Major Equipment bagi melaksanakan pemeliharaan dan pembaikan ke atas alat kelengkapan dan peralatan bantu yang digunakan bagi

melaksanakan aktiviti pemeliharaan pesawat udara.

Sebelum meninggalkan TUDB, Kebawah DYMM juga sempat berangkat meninjau Berek Bujang, termasuk pejabat dan bilik-bilik kursus dalam kemudahan latihan dan urus tadbir para anggotanya dan seterusnya berangkat ke Dewan Punai (Rumah Masak) yang boleh menampung jumlah keramaian seramai 1,200 orang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Hanger A dan B, TUDB yang berfungsi bagi pemeliharaan pesawat dan mendengar sembah taklimat mengenai status pesawat CN235, antaranya menunggu alat ganti bagi pemasangan Propeller dan botol pemadam api enjin serta berkenan menyaksikan lebih dekat peralatan-peralatan seperti Helikopter Blackhawk serta kemudahan-kemudahan bilik-bilik operasi, iaitu Simulator bagi kegunaan latihan dan Survival Equipment Section FLT Issue, Technical Equipment Maintenance Division (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan berangkat dan mendengar sembah penerangan mengenai Dewan Punai (Rumah Masak) yang boleh menampung jumlah keramaian seramai 1,200 orang (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa berkenan meninjau kemudahan-kemudahan bilik-bilik operasi, iaitu Simulator bagi kegunaan latihan dan Survival Equipment Section FLT Issue, Technical Equipment Maintenance Division dan aset-aset TUDB di Hanger A (kiri dan kanan), sementara gambar tengah, baginda berkenan berangkat ke Cawangan Bekal (Domestic Supply Flight) dan meninjau kelengkapan yang terdapat dalam bilik-bilik stor, antaranya Accomodation Store, Electrical Store dan Ground Support Equipment (GSE) termasuk GSE Mechanical Workshop dan Electrical Major Equipment.

Pusat Serantau Nisai-PTB dilancarkan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan **Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub**, Pengerusi Pakar Tenaga Bersatu (PTB) berkenan berangkat pada **Majlis Pelancaran Hub Serantau Asia** di Negara Brunei Darussalam (Nisai Brunei) berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka (kanan). Sementara gambar kiri, **Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah** berkenan menerima Sijil Penghargaan daripada **Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini**, Pengerusi PTB.



MENANDATANGANI bagi pihak Nisai Group Ltd. United Kingdom, Ketua Pegawai Eksekutifnya, **FDr. Dhruv Patel**, manakala bagi pihak PTB ditandatangani oleh Pengarah Urusannya, **Pengiran FDr. Hishamuddin Alli bin Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh**. Majlis Penandatanganan disaksikan oleh **Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini**, Pengerusi PTB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Nisai Group Ltd., United Kingdom (Nisai) percaya semua individu mempunyai nilai yang sama dan akses kepada pendidikan berkualiti tinggi di seluruh dunia.

Nisai dalam misinya untuk memberi kemahiran kepada para pelajar tradisional dan bukan

tradisional untuk berkembang melalui pendidikan inovatif dengan mempengaruhi perubahan institusi yang positif.

Sehubungan itu, Pelancaran Hub Serantau Asia di Negara Brunei Darussalam (Nisai Brunei) berlangsung hari ini di Dewan Bahasa dan Pustaka, ibu negara di sini.

Berangkat pada pelancaran tersebut, **Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah** binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan **Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin**



PENGARAH Serantau Nisai Brunei, **FDr. Hajah Normawati Dato Paduka Haji Othman**.



KETUA Pegawai Eksekutif Nisai Group Ltd., United Kingdom, **FDr. Dhruv Patel**.



PENGARAH Urusan Syarikat PTB, **Pengiran FDr. Hishamuddin Alli bin Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh**.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub, Pengerusi Pakar Tenaga Bersatu (PTB).

Sementara itu, Pengarah Serantau Nisai Brunei, **FDr. Hajah Normawati binti Dato Paduka Haji Othman** dalam sembah alu-aluannya menyebarkan, Negara Brunei Darussalam (NBD) terpilih sebagai Pusat Serantau bagi Nisai untuk menyediakan kaedah pembelajaran kepada rantau asia dan luar asia.

Tambahnya, pemilihan NBD untuk menubuhkan hub serantau terletak pada kepentingan pendidikan bagi Wawasan Negara 2035.

Dari semua itu katanya lagi, rancangan strategik itu bertujuan untuk mengubah NBD menjadi negara yang dikenali secara meluas dengan pencapaian individu-individu yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran melalui penyediaan pendidikan berkualiti.

Pada majlis itu, Ketua Pegawai Eksekutif Nisai Group Ltd, United Kingdom, **FDr. Dhruv Patel** pula menyebarkan program Pendidikan serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh Nisai Group UK.

Dalam ucapan Pengarah Urusan Syarikat PTB, **Pengiran FDr. Hishamuddin Alli bin Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh** pula menyebarkan mengenai penubuhan syarikat tersebut pada Julai 2013 dengan hasrat untuk menyumbang kembali kepada negara melalui pengalaman dan pengetahuan yang ada bagi pembangunan belia.

Belia percaya, untuk mengurangkan pengangguran di negara ini adalah dengan memberikan kemahiran dan

pendidikan yang tepat kepada belia kita untuk menjadikan mereka lebih berkemahiran pada skala global, sama ada sebagai usahawan atau profesional dan kemahiran dalam tenaga kerja.

Majlis juga diselenggarakan dengan Penandatanganan Kenyataan Bersama dengan rakan tempatan Nisai, Syarikat PTB bagi menubuhkan Pusat Serantau Nisai-PTB (NPRC).

Menandatangani bagi pihak Nisai Group Ltd. United Kingdom, Ketua Pegawai Eksekutifnya, **FDr. Dhruv Patel** manakala bagi pihak PTB ditandatangani oleh Pengarah Urusannya, **Pengiran FDr. Hishamuddin Alli bin Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh**.

Majlis Penandatanganan disaksikan oleh **Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini**, Pengerusi PTB.

Melalui usaha sama itu, NPRC akan menawarkan pelbagai program kemahiran teknikal dan vokasional untuk rantau ASEAN serta luar ASEAN.

Kedua-dua Nisai dan PTB berkongsi wawasan dalam merealisasikan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat kecemerlangan serantau dalam bidang pendidikan dan kemahiran di Asia.

Juga hadir pada majlis tersebut, Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Tuan Yang Terutama, **Richard Stephen Lindsay**; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, **Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman** dan **Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari**.

Bukti saksi-saksi bank diperdengarkan



Dari muka 1

Simpanan wang tunai tersebut telah dibuat pada 4 Disember 2015. Mengikut laporan BND10,000 yang diberikan kepada Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), simpanan tersebut dibuat oleh Tertuduh Pertama.

Pada 17 Mac 2016, seorang lagi juruwang dari bank yang sama memproses simpanan wang tunai sebanyak BND300,000 terdiri daripada 30 keping nota wang BND10,000 yang didakwa diperoleh dari penjualan harta milik ibu bapa dan juga penjualan kereta.

Seterusnya, maklumat penyimpan wang tunai itu dimasukkan ke dalam laporan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Nooratini Haji Abas

Foto : Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

BND10,000 tersebut yang mana penyimpannya adalah Tertuduh Kedua. Simon Farrell QC mencadangkan bahawa satu-satunya sebab mengapa nama Tertuduh Kedua dimasukkan ke dalam laporan itu adalah kerana nama tersebut tertera dahulu sebelum nama Tertuduh Pertama dan saksi tersebut bersetuju.

Semasa pemeriksaan semula oleh Jonathan Caplan QC bagi pihak Pendakwa Raya, saksi menjelaskan nama yang dimasukkan ke dalam laporan itu adalah berdasarkan kad pengenalan yang diberikan kepada beliau.

Bahan bukti yang dikemukakan oleh seorang juruwang SCB juga menunjukkan bahawa Tertuduh Pertama ada membuat permohonan untuk kiriman wang ke luar negara dalam jumlah GBP100,000 (kira-kira BND170,000) pada bulan Disember 2016 dan GBP150,000 (kira-kira BND255,000 pada bulan

Disember 2017.

Permohonan tersebut telah diproses dan telah dihantar ke akaun bersama kedua-dua tertuduh di sebuah Bank di United Kingdom.

Rakaman CCTV turut dimainkan di dalam Mahkamah yang menunjukkan klip pada 9 Jun 2017 di antara jam 12.35 hingga jam 12.37 tengah malam di SCB.

Menurut Pendakwa Raya, ia menunjukkan Tertuduh Kedua memasukkan wang tunai ke dalam Mesin Simpanan Tunai di SCB.

Klip yang kedua pula menunjukkan kedua-dua tertuduh memasukkan wang tunai ke dalam dua mesin berasingan pada 8 Disember 2017 di antara jam 6.10 hingga jam 6.16 petang.

Manakala klip terakhir yang dimainkan menunjukkan kedua-dua tertuduh memasukkan wang tunai ke dalam mesin SCB pada 10 Disember 2017 di antara jam 12.50 hingga jam 12.56 tengah malam.

TERTUDUH Pertama, Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman dan Tertuduh Kedua, Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin semasa tiba di pekarangan di Mahkamah Tinggi bagi sesi perbicaraan.

194 keping nota wang BND10,000 dikeluarkan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Nooratini Haji Abas

Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 September. - Pihak Pendakwa Raya selesai menghadapi bukti-bukti yang dikemukakan oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) di dalam perbicaraan terhadap Tertuduh Pertama, Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman dan Tertuduh Kedua, Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.

Semasa di Mahkamah Tinggi hari ini, Jonathan Caplan QC membacakan keterangan Ketua Jabatan Pemungutan dan Pemulihan BIBD yang menyelia Unit Kebankrapan.

Dalam keterangan beliau, saksi berkenaan mengesahkan ada menyerahkan tiga keping persuratan kepada Biro Mencegah Rasuah (BMR) yang diterima daripada Tertuduh Pertama untuk memaklumkan bahawa wang tunai yang dikeluarkan daripada akaun Penerima Rasmi dimasukkan ke dalam akaun simpanan tetap.

Walaupun bagaimanapun, dalam tempoh saksi ini mengetuai jabatan tersebut sejak tahun 2010, BIBD tidak pernah menerima arahan daripada mana-mana Timbalan Penerima Rasmi mahupun mahkamah untuk membuka akaun simpanan tetap, sama ada di bawah nama mereka atau nama

penghutang di BIBD.

Tambahan lagi, pada pengetahuan beliau, tidak ada akaun simpanan tetap di bawah nama Timbalan Penerima Rasmi wujud di BIBD.

Sementara itu, juruwang-juruwang daripada Standard Chartered Bank (SCB) juga memberi keterangan mengenai dengan penyimpanan wang tunai yang diproses ke dalam akaun bersama kedua-dua tertuduh yang menggunakan nota wang BND10,000.

Salah seorang saksi memberitahu pemegang akaun itu sendiri yang datang ke bank dan beliau juga mencatat nombor kad pengenalan bersama dengan tarikh lahir pelanggan tersebut. Kes Pendakwa Raya ialah catatan saksi ini merupakan maklumat mengenai dengan Tertuduh Kedua.

Semasa pemeriksaan balas, Simon Farrell QC berhujah bahawa saksi tersebut tidak mungkin dapat ingat siapa yang membuat simpanan pada hari itu memandangkan kejadian itu berlaku pada tahun 2015.

Beliau mencadangkan lagi bahawa maklumat yang dicatat oleh saksi mungkin diperoleh daripada sistem bank dan bukan daripada melihat kad pengenalan secara fizikal.

Saksi menegaskan bagi transaksi berjumlah besar, kad pengenalan



TERTUDUH Pertama, Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman (kanan) dan Tertuduh Kedua, Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (tengah) di Mahkamah Tinggi bagi sesi perbicaraan.

fizikal mesti dilihat.

Bukti-bukti daripada Pegawai-pegawai Pematuhan (Compliance) dari BIBD, Baiduri Bank dan SCB didengarkan di mahkamah hari ini.

Setiap pegawai ini menerangkan tanggungjawab mereka berkaitan dengan laporan penggunaan nota wang BND10,000 yang dikeluarkan dan diterima oleh bank masing-masing kepada Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dalam urusan perniagaan biasa.

Mengikut laporan-laporan yang disediakan oleh BIBD, 194 keping nota wang BND10,000 dikeluarkan kepada Tertuduh Pertama di antara tahun 2012 dan 2017. Di antara November 2012 dan Disember 2017, laporan menunjukkan bahawa SCB juga menerima 49 keping nota wang BND10,000 daripada Tertuduh Pertama dan 52 keping daripada Tertuduh Kedua.

Pendakwa Raya juga ada memainkan dua rakaman suara panggilan balik oleh SCB

berkaitan dengan transaksi pemindahan telegraf yang bernilai tinggi oleh Tertuduh Kedua. Panggilan balik tersebut adalah untuk pengesahan identiti Tertuduh Kedua bagi arahan pemindahan telegraf yang dibuat secara online bagi dua pemindahan sebanyak BND45,000 ke dalam akaun HSBC Tertuduh Kedua di United Kingdom pada 15 Jun 2014 dan 1 September 2014.

Perbicaraan itu akan diteruskan lagi esok, 1 Oktober 2019 pada jam 9.00 pagi.

Majlis Tahlil kenang pertukaran Bandar Brunei menjadi BSB

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Dalam mengenang jasa seorang raja dan Ulul Amri yang juga digelar sebagai 'Arkitek Brunei Modern' yang sangat dikasihi, nama ibu kota Negara Brunei Darussalam, Bandar Brunei ditukar menjadi Bandar Seri Begawan (BSB) pada 4 Oktober 1970, tepat jam 12.01 pagi.

BSB melalui kemajuan dan perkembangan yang pesat dari segi pembangunan juga infrastruktur dengan kemudahan dan prasarana awam juga taman riadah turut disediakan untuk dinikmati oleh rakyat dan penduduk dalam suasana bernegara dan beribu kota yang selesa, aman, tenteram juga diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, seramai 250 orang, terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) menghadiri Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit sempena

Sambutan Penukaran Nama Bandar Brunei menjadi BSB, di Kubah Makam Diraja, Jalan Kubah Makam Diraja, BSB, di sini.

Hadir, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Abd. Ghani, kemudiannya mengetuai bacaan surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-setiausaha Tetap KHEDN; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN; Ketua-ketua Jabatan; Ahli-ahli Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan; Pegawai-pegawai Kanan; pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan di bawah KHEDN; juga Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung dalam kawasan BSB.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tengah) semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit sempena Sambutan Penukaran Nama Bandar Brunei menjadi BSB (atas).

ANTARA yang hadir pada majlis tersebut (kanan).



Ejen-ejen penjual kereta beri keterangan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Perbicaraan terhadap Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman (Tertuduh Pertama) dan Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (Tertuduh Kedua) di Mahkamah Tinggi diperdengarkan di sebelah petang dengan Pendakwa Raya memanggil saksi-saksi daripada ejen-ejen penjual kereta.

Salah seorang pengurus jurujual di QAF Eurokars Sdn. Bhd. memberi keterangan mengenai pembelian empat buah kenderaan Porsche oleh kedua-dua tertuduh.

Tertuduh Kedua membeli sebuah Porsche Cayman pada bulan April 2014 dengan harga BND139,000 yang telah dibayar secara penuh dengan menggunakan wang tunai, cek dan juga kad debit.

Sebuah Porsche Macan Turbo telah dibeli daripada QAF Eurokars Sdn. Bhd. oleh Tertuduh Kedua dengan harga BND176,000 pada bulan Januari 2015, yang mana sebahagian besarnya telah dibayar secara tunai dan BND6,000 dibayar menggunakan kad kredit.

Dua bulan kemudian pada Mac 2015, Tertuduh Kedua membeli

sebuah Porsche 911 Carrera GTS pada harga BND217,800.

Pembayaran telah dibuat menggunakan kad kredit berjumlah BND10,000 dan selebihnya berjumlah BND207,800 telah dibayar secara tunai pada bulan seterusnya oleh Tertuduh Kedua.

Kereta terakhir yang dibeli oleh Tertuduh Kedua ialah pesanan khas ke atas sebuah Porsche Cayman GT4. Tertuduh Kedua telah membayar kereta tersebut secara penuh pada bulan Disember 2016, iaitu BND128,000 secara tunai dan selebihnya BND55,000 dalam bentuk cek.

Salah seorang jurujual eksekutif yang sedang bekerja di bawah Jati Transport Sdn. Bhd. hadir memberi keterangan di Mahkamah mengenai dengan pembelian empat buah kereta Mercedes Benz oleh kedua-dua tertuduh.

Pada bulan Oktober 2012, Tertuduh Pertama membeli sebuah Mercedes Benz CLS 63 AMG Coupe Sports Package dengan harga BND265,000. Yuran tempahan sebanyak BND35,000 telah dibayar menggunakan cek dan pada bulan Mac 2013, Tertuduh Kedua membayar BND230,000 selebihnya secara tunai.

Pada bulan Jun 2017, Tertuduh

Kedua membeli sebuah Mercedes Benz AMG GT dengan harga BND93,000. Bayaran dibuat secara tunai yang mana wang tunai tersebut disimpan oleh Tertuduh Kedua dalam sampul surat. Bayaran tersebut dibuat di dalam nota wang BND500 dan BND10,000.

Sementara itu, Tertuduh Kedua membeli sebuah Mercedes Benz A45 AMG pada bulan Ogos 2012 dengan harga BND95,000. Pembelian tersebut dibayar secara tunai dalam jumlah BND20,000 dan juga cek di dalam jumlah BND25,000 pada bulan Mei 2014. Jumlah BND50,000 selebihnya dibayar secara pembiayaan kewangan oleh Baiduri Finance Sdn. Bhd.

Di sekitar bulan Oktober 2014, Tertuduh Kedua membeli sebuah Mercedes Benz AMG GTS pada harga BND335,000. Bayaran BND69,000 dibuat menggunakan cek sebagai yuran penempatan. Beberapa hari kemudian, Tertuduh Kedua membayar BND31,000 secara tunai.

Kereta tersebut sampai di Negara Brunei Darussalam selepas satu tahun kerana kereta tersebut adalah edisi khas dan perlu ditempah terlebih dahulu dari Jerman. Baki BND235,000 dibayar secara tunai pada bulan Oktober 2015.

Semasa pemeriksaan balas, Simon Farrell QC menunjukkan tangkapan skrin (screenshot) perbualan Whatsapp di antara



RAMZIDAH binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman (Tertuduh Pertama) dan Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (Tertuduh Kedua).

saksi dari Jati Transport Sdn. Bhd. dan Tertuduh Pertama.

Antara mesej-mesej tersebut membincangkan mengenai kejutan buat Tertuduh Kedua untuk hari jadinya pada 17 November 2014.

Saksi tersebut telah membantu tertuduh pertama untuk membeli nombor pendaftaran kereta untuk sebuah kereta Jaguar F-type yang dibeli daripada Indera Motors Sdn. Bhd. Nombor pendaftaran tersebut dibeli dengan harga BND3,500.

Satu gambar ditunjukkan yang memperlihatkan saksi tersebut bersama dengan Tertuduh Kedua dan dua orang yang lain yang kononnya diambil pada hari jadi Tertuduh Kedua semasa kereta tersebut telah diambil daripada ejen.

Keterangan daripada jurujual Indera Motors Sdn. Bhd. akan didengarkan esok. Perbicaraan akan disambung lagi pada 2 Oktober 2019 jam 9.00 pagi.

Resepsi Hari Kebangsaan Pengasasan Republik Korea



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (dua, kanan) dan datin bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yoon Hyun-bong (dua, kiri) dan suami memotong kek pada Majlis Resepsi sempena Hari Kebangsaan Republik Korea.

JERUDONG, Selasa, 1 Oktober. - Tahun ini merupakan tahun yang bermakna bagi pembangunan hubungan dua hala antara Republik Korea dan Negara Brunei Darussalam.

Salah satu acara yang paling bermakna ialah Lawatan Negara Presiden Republik Korea ke negara ini pada Mac lalu.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yoon Hyun-bong semasa berucap pada Majlis Resepsi Hari Kebangsaan Pengasasan Republik Korea di Indera Samudera Hall, The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Kedua-dua pemimpin dari kedua negara katanya, bertukar pandangan mengenai pengukuhan

kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan, harta intelektual, kerjasama pertahanan, pendidikan dan banyak lagi.

Di samping itu, Puan Yang Terutama juga melahirkan perasaan gembira melihat pertumbuhan pertukaran antara Republik Korea dan Negara Brunei Darussalam dan berharap pertukaran seperti ini akan terus berkembang dalam pelbagai cara.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Resepsi tersebut ialah Menteri Pertahanan

Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan datin.

Kemuncak majlis berkenaan ialah memotong kek sempena Hari Kebangsaan Pengasasan Republik Korea dan penyampaian cenderahati kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua yang disampaikan oleh PYT.

Majlis turut diserikan dengan tayangan video kebudayaan republik berkenaan dari pihak kedutaan Republik Korea di negara ini.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Ungkayahkan amanah dengan terbaik

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam merupakan manifestasi rasa kebanggaan dan patriotisme setiap rakyat dan

penduduk Negara Brunei Darussalam kepada raja kita yang berdaulat dan negara kita yang merdeka.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji

Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berkata, kita sebagai satu pasukan, hendaklah mengungkayahkan amanah ini dengan memberikan yang terbaik demi untuk menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan kerana ia adalah milik bersama sekalian rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Ke muka 12

Ketibaan TYT Teo Chee Hean dialu-alukan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (kanan) mengalu-alukan ketibaan Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras Keselamatan Negara Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean beserta rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi lawatan kerja selama empat hari bermula 1 hingga 4 Oktober 2019.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman

BERAKAS, Selasa, 1 Oktober. - Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras Keselamatan Negara Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean dan isteri, Puan Teo Poh Yim bersama rombongan, selamat tiba di negara ini bagi lawatan kerja selama empat hari bermula 1 hingga 4 Oktober 2019.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras Keselamatan Negara Republik Singapura di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan datin.

Juga hadir, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang

Terutama Lim Hong Huai.

Menyertai rombongan TYT Teo Chee Hean, Menteri Kebudayaan, Kemasyarakatan dan Belia, Puan Yang Terutama Grace Fu; Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air dan Menteri yang bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Islam, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad; Menteri Kanan Negara, Kementerian Pertahanan, Tuan Heng Chee How; Menteri Kanan Negara, Kementerian Undang-undang dan Kementerian Kesihatan, Tuan Edwin Tong Chun Fai; dan Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan dan Industri, Tuan Tan Wu Meng.

TYT Teo Chee Hean dan isteri bersama rombongan berada di Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri Program Pemimpin-pemimpin Muda Ke-7, yang mana pada tahun ini adalah giliran Negara Brunei Darussalam menjadi hos bagi program tersebut.

Post-Mortem Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-35 dibincangkan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Majar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Datuk Seri Paduka Haji Abidin (tiga, kiri) semasa mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020, di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 berlangsung hari ini bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Mesyuarat dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020.

Hadir pada mesyuarat tersebut, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Yang Berhormat Pehin Jawatan

Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar; Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud; Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Pengiran Dato Seri Pahlawan Haji Mohd. Jefri bin Pengiran Haji Abd. Hamid; Ahli

Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ahli-ahli dan wakil ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020.

Agenda mesyuarat termasuk membincangkan mengenai Post-Mortem Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019; tema dan logo sambutan; acara-acara sambutan; acara-acara sampingan; garis masa dan peruntukan.

BIBDSEED buka ruang runcit di MoFE

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Selasa, 1 Oktober. - Para peserta di bawah program 'Special Underprivileged Mothers Empowerment Entrepreneurship Development Programme' atau BIBDSEED kini mempunyai tempat pasaran baharu untuk menawarkan produk-produk mereka kepada orang ramai apabila mereka diberikan ruang runcit di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MoFE). Ditempatkan di kawasan Atrium, Bangunan MoFE, petak jualan tersebut akan diisikan oleh para peserta daripada BIBDSEED Kohort kedua.

Ruang baharu tersebut boleh menampung tiga pengusaha pada satu masa dimana mereka akan

berganti-ganti mengisi petak jualan tersebut secara bulanan.

Pelancarannya disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, yang juga menyampaikan sijil kepada 10 peserta BIBDSEED Kohort 2 sekali gus menandakan selesainya Fasa 5 program tersebut.

Ketua Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah menjelaskan, penempatan tersebut akan memberikan pengalaman keusahawanan yang sebenar

kepada peserta BIBDSEED dimana melalui ruangan tersebut, mereka kini mempunyai tempat dan persaingan yang sihat daripada perusahaan yang sudah berpusat di sana. Ia juga dapat menjadi batu loncatan bagi mereka untuk berkembang lagi.

Beliau menambah, dengan penempatan di ruang runcit yang disediakan memberikan mereka manfaat sebagai usahawan kerana ia akan menguji kesungguhan mereka dan mengaplikasikan pengetahuan dan pembelajaran daripada fasa sebelumnya seperti harga, pemasaran, komunikasi, jualan kepada pelanggan dan mempromosi produk mereka.

"Kami ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Kerajaan Brunei atas sokongan kuat dan memberi peluang kepada kami untuk mengembangkan lagi program BIBDSEED. Program ini telah menjadi inisiatif pelbagai agensi yang disokong secara aktif oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan," ujarnya.

Penyediaan ruang niaga baharu ini tambahnya melambangkan sokongan tinggi MoFE bersama BIBD untuk memperkasakan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyempurnakan pelancaran ruang runcit di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MoFE) bagi para peserta di bawah Program 'Special Underprivileged Mothers Empowerment Entrepreneurship Development Programme' atau BIBDSEED.

mereka yang kurang bernasib baik untuk menjadi usahawan yang berjaya, dimana ini juga mencerminkan komitmen dan dedikasi BIBD untuk menjadi rakan kongsi negara.

Dilancarkan pada tahun 2018, program BIBDSEED yang berjalan selama 15 bulan itu merupakan platform untuk merubah kehidupan golongan sasaran yang terdiri daripada

ibu-ibu yang tidak berkemampuan menjadi usahawan berjaya yang mampu berdaya tahan dan bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Matlamat jangka panjang program ini juga adalah untuk melihat para peserta mampu menyara diri sendiri dari segi kewangan dan menyumbang secara ketara kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Terima sijil keahlian Fellowship of Chartered Civil Engineer



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (kanan) menerima Sijil Pengiktirafan Keahlian Fellowship of Chartered Civil Engineer daripada President of The Institution of Civil Engineers (ICE) United Kingdom, 2018 - 2019, Mr. Andrew Wyllie.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan

UNITED KINGDOM, Selasa, 1 Oktober. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar membuat kunjungan hormat bersama President of The Institution of Civil Engineers (ICE) United Kingdom, 2018 - 2019, Mr. Andrew Wyllie.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan berada di London, United Kingdom atas undangan khas pihak ICE bagi menerima Sijil Pengiktirafan Keahlian Fellowship of Chartered Civil Engineer.

Semasa perjumpaan tersebut, Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan President of The ICE United Kingdom bertukar-tukar pendapat mengenai profesion kejuruteraan juga keahlian jurutera profesional di Kementerian Pembangunan dan di Institution of Civil Engineers (ICE) United Kingdom.

Pada majlis perjumpaan tersebut, Yang Berhormat Menteri Pembangunan turut menerima Sijil Keahlian Fellowship of Chartered Civil Engineer daripada President of The ICE United Kingdom, iaitu

the highest grade of membership di ICE United Kingdom.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjadi Ahli Fellowship of Chartered Civil Engineer sejak tahun 2006.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan rombongan seterusnya dibawa meninjau ke pejabat institusi tersebut yang mempunyai sejarah kejuruteraan daripada mantan-mantan President of The ICE United Kingdom sejak dari tahun 1818 hingga 2018, di samping struktur arkitek sejarah hiasan dalaman dikekalkan sehingga sekarang.

Pada akhir perjumpaan tersebut, di ruang yang berlainan, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menerima kunjungan hormat daripada Director General of The ICE, Mr. Nick Bayerstock bagi bertukar-tukar pendapat dan pandangan mengenai Enabling Better Infrastructure.

Kementerian Pembangunan diiktiraf sebagai Approved Training Organisation oleh pihak ICE United Kingdom, sejak Oktober 1999.

Ke muka 13

JAPEM, TelBru lancar Talian ANAK 121



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (tengah) hadir selaku tetamu kehormat ketika menyaksikan Majlis penandatanganan memorandum persefahaman di antara JAPEM, diwakili oleh Pemangku Pengarah JAPEM, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohammad Tahir dan Telbru, diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif TelBru, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Telekom Brunei Berhad (TelBru) hari ini telah melancarkan Talian Anak Negara Aset Kitani (ANAK) 121 pada majlis yang berlangsung di Dewan Digadong, kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Talian ANAK 121 ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam ucapan pelancarannya menjelaskan bahawa inisiatif Talian ANAK 121 ini adalah selaras dengan strategi dan

komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan sosial kepada kanak-kanak seperti terkandung dalam Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-Kanak melalui Jawatankuasa Khas Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Majlis Kebangsaan Isu Sosial.

Tambahnya, tidak dinafikan bahawa antara cabaran yang dihadapi di negara ini adalah peningkatan kes penderaan kanak-kanak. Menurut statistik yang diperoleh daripada Pasukan Polis Diraja Brunei, jumlah kes penderaan kanak-kanak telah meningkat sebanyak 23 peratus sejak tahun 2014 sehingga tahun 2018 iaitu dari 43 kes ke 56 kes dan ini amatlah membimbangkan.

Jelas Yang Berhormat, bagi mengurangkan peratus ini, kita hendaklah sentiasa peka dan memantau keadaan persekitaran ke arah kesejahteraan golongan kanak-kanak, agar mereka akan dapat hidup dalam suasana yang kondusif untuk mencapai potensi masing-masing sebagai aset negara masa hadapan.

"Oleh yang demikian, adalah diharapkan anak-anak yang kita sayangi akan tahu bahawa 'Kami Mendengar', dan kami bersedia untuk memberikan bantuan yang sewajarnya bagi masalah yang dihadapi," tambah Yang Berhormat Menteri.

Talian ANAK 121 dengan slogan 'Kami Mendengar' adalah talian bantuan kanak-kanak bebas tol yang beroperasi bagi kegunaan kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam yang mana inisiatif tersebut adalah kerjasama di antara JAPEM dan TelBru.

Ke muka 13

'The Bungsu Story' calon kategori Best Asian Drama

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Drama TV tempatan bertajuk 'The Bungsu Story' berjaya dicalonkan dalam Asia Contents Awards yang akan

berlangsung di Busan, Korea pada 6 Oktober ini. Drama TV keluaran Filterworks Productions (Filterworks) dengan kerjasama Lailatul Shazana's



SESI media mengenai 'The Bungsu Story' memberi peluang kepada wakil media untuk mengajukan pertanyaan kepada Pengarah Drama tersebut, Aznniel Yunus dan dua pelakon utama drama berkenaan, Safarah Nordin dan Adi Nabil.

Production (Shazana's) itu dicalonkan bagi Kategori Best Asian Drama.

'The Bungsu Story' merupakan satu-satunya drama Brunei yang tercalon dan buat pertama kalinya terpilih sebagai calon bagi kategori berkenaan.

Sehubungan itu, satu sesi media diadakan di Cultivate Cafe, Bangunan Ibu Pejabat Progresif, di sini.

Antara yang hadir, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Sesi tersebut memberi peluang kepada wakil-wakil media untuk mengajukan pertanyaan kepada Pengarah Drama tersebut, Aznniel Yunus dan dua pelakon utama drama berkenaan, Safarah Nordin dan Adi Nabil.

Drama TV 'The Bungsu Story' mengisahkan mengenai dua remaja yang sering menghadapi kesukaran untuk memenuhi harapan keluarga mereka yang selalu di luar jangkaan.

Mereka menempuh pelbagai cabaran dalam mengejar akademik, kehidupan, pekerjaan, persahabatan dan kasih sayang.

Drama tersebut mempunyai



SETIAUSAHA Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud antara yang hadir pada sesi media mengenai pencalonan 'The Bungsu Story' dalam Asia Contents Awards, di Busan, Korea.

sebanyak 37 episod yang ditayangkan melalui Progresif Media dan setakat ini mencecah lebih kurang 1,500 penonton.

Salah satu matlamat utama penerbitan drama ini adalah untuk menyediakan platform bagi pembuatan filem Brunei agar dapat menyalurkan mesej kepada

penonton dunia yang luas, terutama di rantau ini.

Turut hadir, para perwakilan daripada Syarikat Aliaa - Distributor of Indofood; Boat Noodle; MMW; Progresif; DM Don Square Entertainment; Penerbangan Diraja (RB); and D'Sunlit Sdn. Bhd.



MINDA PEMBACA

Belia diseru berani tampil cipta pekerjaan

BERADA dalam era yang semakin mencabar ini terutama era revolusi industri yang keempat, memerlukan kita lebih cekap dan cepat untuk meraih peluang dan mencipta ruang, agar kita tidak semakin ketinggalan seiring dengan perubahan zaman. Oleh itu, bagi menghadapi cabaran masa kini yang semakin kompleks, kita memerlukan tenaga baharu dan idea-idea kreatif bagi menyesuaikan keperluan generasi *millennial* sekarang.

Golongan belia adalah golongan yang masih punya banyak energi, waktu dan idea segar. Aset yang berharga ini sewajarnya tidak disia-siakan kerana idea yang tidak dijalankan dan diberikan inovasi itu ditakuti akan segera menjadi lapuk dan sudah tidak relevan lagi dengan cepatnya peredaran zaman. Belia masa kini terutamanya, mereka lebih faham dan mengerti trend terkini bagi golongan muda yang lahir zaman sekarang. Oleh itu, mereka lebih tahu dan mengerti

dengan keperluan generasi ini.

Dengan kefahaman itu, mereka ini perlulah juga dibimbing oleh golongan dewasa yang lebih berpengalaman mahupun golongan veteran yang telah lama merasakan asam garam dalam dunia realiti sekarang. Seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Yang Ke-14 yang lalu, baginda bertitah :

"Kita tidak mahu untuk hanya jadi penonton, tetapi yang kita mahu ialah untuk bersaing sehingga ke arena global. Namun persaingan, bukanlah dengan tangan kosong, tetapi dengan ilmu, pengalaman dan kemahiran. Tanpa ilmu, pengalaman dan kemahiran, tidak akan ada apa-apa yang boleh dihasilkan."

Beta percaya, para belia kita adalah mampu untuk memenuhi ciri-ciri berilmu, berpengalaman dan berkemahiran."

Sudah setentunya aset yang berharga, iaitu para belia ini perlu diperisakan dengan ilmu yang betul, kemahiran yang sesuai dengan bidang dan keperluan, barulah kita dapat melihat peluang pekerjaan itu nanti akan terbuka luas mengikut keperluan Brunei sendiri.

Di samping itu, kita semua sudah sedia maklum bahawa, sekarang aktiviti bisnes dan peluang untuk menjadi seorang *entrepreneur* itu semakin mudah diterokai. Kelas-kelas bimbingan dan kursus mengenainya sedang giat dijalankan. Jika belia kita dilatih untuk melihat bahawa masalah yang ada di negara ini boleh ditukar menjadi peluang, akan lebih terbukalah lagi peluang bagi mereka ini mencipta pekerjaan.

Walau bagaimanapun semua usaha ini tidaklah akan dapat berjalan dengan lancar jika sekiranya kita belum dapat menghijrahkan *mindset* kita untuk sentiasa bergantung kepada kerajaan dan sektor

swasta semata-mata. Hal ini kerana orang kitani adalah orang yang memang terkenal dengan semangat berkariir, berjariir dan beluriir. Sudah setentunya semangat itu boleh diaplikasikan dalam apa jua bidang dalam kehidupan.

Oleh itu, belia perlu lebih percaya diri, dan berani untuk keluar daripada kebiasaan dan zona nyaman, agar dapat menongkah arus untuk menceburi bidang yang mereka punya minat kepadanya. Minat sahaja tidak akan dapat berjaya, tetapi perlu ada tujuan yang jelas dan kerja keras serta disiplin. Bila kita ada semangat dan tujuan untuk memudahkan urusan orang lain untuk mencipta pekerjaan melalui titik peluh kita, insyaaAllah, Allah juga akan memudahkan urusan kita dan tanpa kita sedari jalan yang kita lalui ini akan terbuka luas dan dimudahkan.

Nama : Norsaidi bin Serail
Kad K/P : 01-043854 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Jangan Ambil Mudah Isu Alam Sekitar'. Tarikh Tutup : 2 Oktober 2019
2. 'Pendidikan Berkualiti Teras Kecemerlangan Pelajar'. Tarikh Tutup : 9 Oktober 2019
3. 'Penghijrahan Minda Masyarakat Ke Arah Masyarakat Dinamik, Berdaya Tahan dan Berdikari'. Tarikh Tutup : 16 Oktober 2019

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunel@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Sektor Pelancongan jana pertumbuhan BIMP-EAGA



TIMBALAN Setiausaha Tetap, (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali (dua, kiri) semasa merasmikan Mesyuarat Kluster Pembangunan Pelancongan Bersama BIMP-EAGA Kali Ke-16.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

KIULAP, Isnin, 30 September. - Sektor pelancongan yang maju dan penglibatan bersama pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) utama swasta serta rakan pembangunan seperti (Northern Territory of Australia, Bank Pembangunan Asia (ADB) dan China) dipercayai akan terus menjana pertumbuhan dan kemakmuran untuk rantau Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA).

Selain itu, inisiatif penumpuan antara sektor pelancongan dan sektor lain, terutamanya dalam Pengangkutan yang terbukti pengembangan hubungan udara (*air connectivity*) dan dalam pembangunan pelancongan pelayaran akan menyokong pertumbuhan keseluruhan pelancongan.

"Kita perlu merangkul Revolusi Industri Ke-4 dalam menggerakkan ke arah inisiatif pelancongan pintar melalui Kluster ICT, Sosio-Kebudayaan dan Pendidikan Kluster, Kastam,

Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (CIQs) untuk perjalanan yang lancar. Penglibatan ini dan kerjasama dengan rakan-rakan lain tetap relevan untuk menyokong pertumbuhan mampan dan inklusif di Kawasan Pertumbuhan Asia Timur dalam menghadapi keadaan ekonomi global yang tidak menentu," demikian jelas Timbalan Setiausaha Tetap, (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali semasa merasmikan Mesyuarat Kluster Pembangunan Pelancongan Bersama BIMP-EAGA Kali Ke-16 yang berlangsung di salah sebuah hotel di Kiulap, di sini.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan menjadi tuan rumah bagi mesyuarat kali ini yang bermula hari ini hingga 1 Oktober 2019.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut ialah Pemangku Pengarah

Jabatan Kemajuan Pelancongan Republik Filipina, Ms. Myra Paz Valderrasa Abubakar selaku Pengerusi Mesyuarat tersebut yang juga bakal menamatkan jawatan pengerusinya.

Mesyuarat membincangkan kemajuan pelaksanaan Projek Rolling Pipe 1 2017-2019 (berdasarkan Mesyuarat Perancangan Strategik 2019), khususnya mengenai akses pelancongan dan infrastruktur sokongan yang dibangunkan, pembangunan produk ekopelancongan, pembangunan sumber manusia dalam pelancongan dan mempromosikan pendekatan yang bersifat koordinasi kepada alam semula jadi, budaya dan pengurusan warisan.

Turut dibincangkan ialah inisiatif penumpuan yang meliputi pengangkutan, sosiobudaya dan pendidikan, persekitaran, teknologi maklumat dan komunikasi, dan Kastam Imigresen dan Kuarantin.

Lebih 50 perwakilan yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Kanan dan pegawai dari Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina menghadiri mesyuarat dua hari itu.

Ungkayahkan amanah dengan terbaik

Dari muka 9

"Sepertimana sambutan-sambutan sebelum ini, Hari teristimewa ini hendaklah terus diraikan oleh setiap peringkat masyarakat dengan penuh kegembiraan dan kemeriahan demi mencerminkan kecemerlangan dan kebahagiaan bangsa dan Negara Brunei Darussalam, di samping mempertahankan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai wajah dan identiti kita yang berkekalan," ujar Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 bagi Tahun 2020 pada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan berkenaan yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, pada 23 Februari 2020, tercapailah 36 tahun kenikmatan kemakmuran dan kesejahteraan berbangsa dan bernegara di Bumi Negara Brunei Darussalam ini. Setentunya, nikmat ini merupakan satu anugerah yang tidak ternilai daripada Allah Subhanahu Wata'ala, khususnya dalam mencapai usia 36 tahun yang memantapkan dan mendewasakan kita untuk terus berusaha ke arah menjayakan wawasan negara dalam keadaan aman makmur di bawah pemerintahan Raja yang adil lagi bijaksana.

Menurut Yang Berhormat, mengimbas kembali kepada Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini, Yang Berhormat melahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas di atas kerjasama kuat dan komitmen bersepadu yang telah diberikan oleh semua pihak sehingga menjadikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 sebagai satu kejayaan yang amat membanggakan.

"Alhamdulillah, penampilan suasana bersemangat patriotisme dan penuh warna-warni melalui kegembiraan dan kemeriahan telah menjayakan sambutan tahun ini sebagai satu rista manis bagi para peserta dan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Pencapaian tahun ini dan tahun-tahun sebelumnya telah banyak memberikan contoh, bimbingan dan pengalaman yang berguna sebagai iktibar," ujar Yang Berhormat lagi.

Oleh itu, tambah Yang Berhormat, amatlah mustahak bagi pengalaman ini untuk diambil dengan sepenuhnya demi untuk memberikan nilai tambah kepada Sambutan pada tahun 2020 dengan sentiasa meneguhkan suasana kegembiraan, kemeriahan, serta semangat yang penuh patriotik.

Apa yang paling penting jelas Yang Berhormat, pelaksanaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan hendaklah terus berpegang teguh dan berlandaskan kepada nilai-nilai teras keBruneian berlandaskan Falsafah Melayu Islam Beraja.

Justeru itu kata Yang Berhormat lagi, Jawatankuasa Tertinggi kali ini akan mengambil sedikit masa bagi membincangkan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan dan mempertimbangkan usulan yang telah dibangkitkan semasa Mesyuarat Post-Mortem Jawatankuasa Kerja Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 yang telah diadakan pada Rabu, 27 Mac 2019, termasuk format persembahan yang dirancang untuk mengambil bentuk yang berlainan dengan memanfaatkan bakat-bakat tim kreatif, termasuk para belia.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat memaklumkan bahawa seperti mana yang telah diperkenalkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tema: 'Menjayakan Wawasan Negara' akan dikekalkan.

Tema tersebut terus digunakan kerana ia dilihat tetap relevan memandangkan jarak tempoh antara tahun 2020 dan 2035 adalah genap 15 tahun.

"Ia mempunyai matlamat bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk terus menghayati makna di sebalik tema tersebut dan untuk sama-sama memainkan peranan aktif dalam pembangunan negara secara seimbang ke arah merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035. Kita tidak mahu tema ini untuk menjadi retorik semata-mata, malah, tema ini hendaklah dijadikan sebagai penyuntik semangat dan komitmen yang bersungguh-sungguh kepada semua pihak untuk sama-sama berganding bahu, bersatu hati dan bekerjasama ke arah mencapai yang terbaik bagi negara," ujar Yang Berhormat.



ALAI PINTAR 011

SOALAN 2 OKTOBER 2019, RABU

1 Bilakah waktu bendera negara dikibarkan di rumah-rumah kediaman?

- Pada hari-hari tertentu seperti Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan
- Pada hari-hari tertentu seperti Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha
- Sambutan hari guru dan majlis perkahwinan keluarga

2 Pada tahun 1578, angkatan Sepanyol yang berpangkalan di Manila telah menyerang Brunei. Peperangan ini terkenal dengan nama

- Perang Dunia Pertama
- Perang Uhud
- Perang Kastila

3 Antara makanan yang menjadi sumber vitamin C ialah

- oren
- ikan
- ubi kentang

TARIKH TUTUP : Isnin, 14 Oktober 2019

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI **BND38.00**

PEMENANG ALAI PINTAR 010 :

Nama : Siti Nur Erlisya Batrisha Abdullah Mohammad Erdiley Arwine / Kad Pengenalan : 0094285
Sekolah : Sekolah Rendah Perpindahan Bukit Beruang Kluster 5

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8300836** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 010

- Temburong.
- Ada 6 bahagian asas. (i) keyboard (ii) mouse (iii) speaker (iv) printer (v) Central Processing Unit (CPU) (vi) monitor.
3. Rabiulawal.



بندر سري بڬاوان ايو نڬارا كتمدونن اسلام 2019
BANDAR SERI BEGAWAN CAPITAL OF ISLAMIC CULTURE 2019
بندر سري بڬاوان عاصمه الثقافة الإسلامية ٢٠١٩

Keluaran Khas Puisi -Puisi

MENADAH RAHMAT DI BUMI DARUSSALAM

Inilah Bumi Darussalam
dengan petunjuk
dengan takdir
dengan rahmat

Kau jadikan Bumi Darussalam ini
sebagai Tadahan Rahmat
yang di dalamnya ada hikmat!
yang di dalamnya ada nikmat!
Yang BERKAT!

Inilah Bumi Darussalam
di tengahnya rumah Allah
dikelilingi tadahan lagun
menyambut rahmatMu
titis hujan rahmat
turut berzikir
turut bertasbih
turut bertahmid
di gigi riak mengalun selawat
di tebing mengocok salam
buat junjungan menganyam sulam kerinduan
pada kekasih Allah, ya Rabbi!

Inilah Bumi Darussalam
yang rakyatnya mengandung tuah
dikurnia pemimpin Raja bertaqwa
Islam kukuh dan berkembang
syiar memperteguh
syariah mempertahankan
zikir mentarbiah
walau taufan membadai teluk
tiada gentar walau sedetik di hati baginda
Raja Khalifah menadah tangan
di bawah negara Tadahan Rahmat
memohon Hikmat bagi negara
memohon Nikmat bagi bangsa
negara bangsa yang BERKAT!
dari hamba kepada pencipta-Nya yang Maha Esa
PASRAH!

Pesan niniku:
"Wang mun bajabat salam dengan Sultan
Jangan lupa memberi salam"

Bumi Darussalam
Negara Tadahan Rahmat
menghimpun doa Muslimin
Islam Beraja negara Melayu
Ketamadunan Islam kukuh terjamin

Inilah Bumi Darussalam
Kota peradaban iman
Kota ketamadunan Islam

nurFik Brunei

15 Julai 2019
Taman SOAS

Terima sijil keahlian Fellowship of Chartered Civil Engineer

Dari muka 10

Melalui pengiktirafan tersebut, Kementerian Pembangunan dapat mengendalikan Professional Development Programme (PDP) yang merangkumi Further Learning Programme (FLP) dan Chartered Professional Review (CPR) bagi membolehkan jurutera-jurutera diiktiraf menjadi Ahli Professional Chartered Engineer kepada ICE United Kingdom.

ICE United Kingdom adalah Badan Keahlian Profesional dan merupakan salah satu institusi kejuruteraan profesional terkenal di dunia.

Sejak penubuhannya pada tahun 1818, ICE United Kingdom menarik lebih daripada 92,000 keahlian di seluruh dunia, juga membantu dan memberi sokongan kepada *civil engineers* dan *technicians* dari segi kepakaran teknikal mengikut piawaian-piawaian tertinggi.

Sebagai Badan Profesional, ICE United Kingdom bertujuan untuk menyokong para profesional kejuruteraan awam dengan menawarkan kelayakan profesional, mempromosikan pendidikan, mengekalkan etika profesional, dan berhubung dengan industri juga akademik.

ICE United Kingdom

menetapkan piawaian kepada Badan Keahlian; bekerjasama dengan industri dan akademik untuk meningkatkan piawaian kejuruteraan juga menawarkan khidmat nasihat berbentuk pendidikan kurikulum dan latihan.

Sehingga kini seramai 148 orang jurutera Negara Brunei Darussalam didaftarkan sebagai Ahli kepada ICE United Kingdom, yang mana kebanyakannya adalah Practitioners.

ICE United Kingdom juga mengiktiraf FLP, Kementerian Pembangunan sebagai Postgraduate Diploma in Professional Engineering.

Postgraduate Diploma in Professional Engineering ini adalah setanding dengan Brunei Darussalam Qualification Framework Level 7 Masters Degree yang diiktiraf oleh Brunei Darussalam National Accreditation Council (BDNAC).

Setakat ini, sejumlah 30 peserta mengikuti FLP Pengambilan Pertama bagi Tahun 2012 hingga 2014, daripada jumlah tersebut, seramai 24 peserta lulus mendapat Postgraduate Diploma in Professional Engineering dan setakat ini, hanya 19 peserta berjaya memperoleh Keahlian Professional Engineer Charteredship.

Manakala dari tahun 2015

hingga 2018, FLP Pengambilan Kedua disertai oleh 24 peserta, dan daripada jumlah tersebut seramai 14 peserta dianugerahkan Postgraduate Diploma in Professional Engineering.

Peserta-peserta tersebut terdiri daripada Jurutera-jurutera yang sedang berkhidmat di Kementerian Pembangunan dan beberapa Jurutera daripada Kementerian Pertahanan dan Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat, Jabatan Perdana Menteri.

Turut menyertai kunjungan hormat tersebut, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Rooslina Weti binti Pengiran Haji Kamaludin; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; dan ICE United Kingdom - Brunei Darussalam Appointed Representative, Awang Bahrin bin Haji Mohammad; juga Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pembangunan.

Manakala daripada pihak ICE United Kingdom ialah International Director, Ms. Catherine Cole; International Membership Recruitment Manager, Mr. Patrick Courtney dan Lead Policy Manager, Mr. Ben Goodwin.

JAPEM, TelBru lancar Talian ANAK 121

Dari muka 10

Manakala dalam ucapan alu-aluan Ketua Pegawai Eksekutif TelBru, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman menyatakan bahawa Talian ANAK 121 adalah merupakan sebahagian daripada projek tanggungjawab sosial korporat TelBru yang menumpukan kepada golongan-golongan yang kurang bernasib baik dan yang mungkin terdedah kepada bahaya.

Tambahnya, penubuhan Talian ANAK 121 sebagai satu sistem pusat panggilan khas bagi membolehkan kanak-kanak untuk menghubungi kaunselor-kaunselor terlatih bagi meminta pertolongan atau melaporkan sebarang kes-kes seperti penderaan, pengabaian dan eksploitasi yang melibatkan kanak-kanak.

Jelasnya lagi, setelah beroperasi sepenuhnya, Talian ANAK 121 akan dapat memberikan data-data laporan terperinci mengenai aduan-aduan yang diterima secara pemantauan yang bersistematik dan akan dapat menyediakan pautan bagi koordinasi tindakan segera atau tindakan susulan agensi-agensi yang berkenaan secara lebih berkesan.

Majlis diteruskan dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara pihak JAPEM yang diwakili oleh Pemangku Pengarah JAPEM, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohammad

Tahir dan TelBru yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif TelBru, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman.

Atur cara turut diserikan dengan tayangan video dan sesi lawatan ke Pusat Panggilan Talian ANAK 121.

Objektif penubuhan talian tersebut adalah antara lain untuk meningkatkan sistem perlindungan bagi kanak-kanak daripada penderaan, pengabaian dan eksploitasi serta untuk menyediakan saluran komunikasi yang khusus bagi kegunaan kanak-kanak yang mungkin berada dalam kesusahan serta memerlukan penjagaan dan perlindungan daripada penderaan ibu, bapa atau penjaga, penyalahgunaan dadah, buli, rasa bunuh diri atau kesulitan dalam keluarga.

Penubuhan talian berkenaan juga bagi mendukung usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan dan sokongan untuk golongan terdedah dan kurang bernasib baik, mereka yang memerlukan bantuan dan mereka yang terdedah kepada bahaya.

Talian ini mulai beroperasi 2 Oktober 2019, dan akan dikendalikan oleh ejen panggilan atau pekerja sosial yang telah menjalani latihan kursus asas kaunseling untuk berinteraksi

dengan kanak-kanak melalui telefon dan mereka ini akan menjalani latihan berterusan berdasarkan *risk assessment* dari semasa ke semasa untuk menangani isu-isu yang dihadapi oleh pemanggil.

Bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai talian tersebut, pihak JAPEM dengan kerjasama TelBru dan rakan-rakan strategik lain akan mengadakan kempen untuk membarigakan talian berkenaan hingga ke peringkat akar umbi.

Adalah diharapkan dengan tertubuhnya Talian ANAK 121, ia akan dapat menggalakkan kanak-kanak untuk bersuara, meluahkan perasaan dan membuat aduan tanpa rasa takut agar isu-isu yang dihadapi dapat ditangani dengan segera oleh pihak-pihak tertentu.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Pengerusi Telbru; Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Pemangku Pengarah JAPEM; Pengarah-pengarah dan wakil syarikat rakan strategik TelBru; ahli-ahli Jawatankuasa Khas Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak serta pegawai-pegawai kerajaan.



**JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

1. TAJUK TAWARAN :
PERKHIDMATAN MEMBUAT HOT
STAMPING DIES KE JABATAN
PERCETAKAN KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
- DUA (2) TAHUN KONTRAK

BILANGAN TAWARAN :
GP / Korp / STI / 3.9

KETERANGAN BARANG :

1. Delicate Design (Shape and Text)
Tebal : Between 3mm to 7mm
Material : Magnesium / Zinc
Kuantiti 1 Lot

2. Simple Design (Shape and Text)
Tebal : Between 3mm to 7mm
Material : Magnesium / Zinc
Kuantiti 1 Lot

2. TAJUK TAWARAN :
PEMBEKALAN PERKAKAS SCREEN
PRINTING UNTUK MEMBUAT SPOT UV
KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN :
GP / Korp / STI / 1.1 - 2019 / 006

KETERANGAN BARANG :

1. Laser Suitable for Heat Transfer with Toner
Kuantiti : 1 Lot

**2. Aluminium Frame with Mesh Suitable
for Heat Transfer**
Kuantiti : 3 Lot

3. Heat Press Machine with Digital Control
Kuantiti : 1 Lot

**4. Manual One Station Screen Printing
Machine Bench with Bench Model Suitable
for Spot UV Printing**
Kuantiti : 1 Lot

5. UV Dryer Suitable for UV Varnish Ink
5.1 With Conveyer Belt
Kuantiti : 1 Lot

5.2 Without Conveyer Belt + Installation
Kuantiti : 1 Lot

6. Dry Stencil Accessories

6.1 Image Sheet
Kuantiti : 50 Lot

6.2 Transfer Sheet
Kuantiti : 50 Lot

**7. Aluminium Screen Printing Squeegee Blade
Ink Scraper**
Kuantiti : 2 Lot

8. Other Accessories (if any)
Kuantiti : 1 Lot

DOKUMEN-dokumen dan syarat-syarat bagi
pembekal untuk sebut harga tersebut boleh didapatkan
di Kaunter 1, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Bay
1, Aras Bawah, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan
Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan,
BB3510, Negara Brunei Darussalam bila-bila masa
waktu bekerja.

Tempat menghantar Sebut Harga :

Pengerusi Sebut Harga
Peti Sebut Harga
Unit Pentadbiran
Bay 1, Aras Atas
Jabatan Percetakan Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup menghantar Sebut Harga pada :
Rabu, 16 Oktober 2019, jam 2.00 Petang

Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat dan borang
tawaran, sila hubungi Dayang Hajah Nor Khadijah binti
Haji Donglah, Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan
Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas,
melalui talian +673 2382541 sambungan 163 atau e-mel
khadijah.donglah@printing.gov.bn



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA
(TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)
DAN PERINDUSTRIAN**

JEMPUTAN UNTUK MEMBERI TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / BP / 042 / 2019

TAJUK :
SUPPLY AND DELIVERY OF 300MM2/3C XLPE/LS H.T CABLE

YURAN TAWARAN :
BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

TARIKH TUTUP :
22 Oktober 2019 / Selasa (jam 2.00 Petang)

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / BP / 043 / 2019

TAJUK :
SUPPLY AND DELIVERY OF 185MM2/3C XLPE/LS H.T CABLE

YURAN TAWARAN :
BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

TARIKH TUTUP :
22 Oktober 2019 / Selasa (jam 2.00 Petang)

KELAYAKAN :
**PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN BAGI KATEGORI P05**

TEMPAT TUTUP :
PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
**KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)
DAN PERINDUSTRIAN,**
B2, BANGUNAN JABATAN PERDANA MENTERI
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3913
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah
diperoleh dari Kaunter Unit Pendaftaran, Tingkat Empat (4), Jabatan
Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia)
dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

PERHATIAN :

Sila sertakan salinan Business Names Enactment, 1958 - Section 16 & 17
dan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD) semasa menghantar dokumen ini
ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG DI SEKRETARIAT KOMANWEL, LONDON

Jawatan :
Political Affairs Officer
Asia / Europe Section
Tarikh Tutup : 10 Oktober 2019

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat hendaklah
memohon melalui laman sesawang : <http://thecommonwealth.org/jobs>



**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarikat AIA Berhad
(Cawangan Brunei)

NOTIS

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBUAT
bahawa Syarikat AIA Berhad dan AIA
Singapore Private Limited akan membuat
permohonan Mahkamah bagi Scheme of
Arrangement untuk pemindahan perniagaan
perlindungan insuran nyawa / jiwa dari
Syarikat AIA Berhad (Cawangan Brunei)
kepada AIA Singapore Private Limited
(Cawangan Brunei)

Salinan Scheme of Arrangement dan
laporan aktuari boleh didapatkan bagi
penelitian / pemeriksaan oleh ahli-ahli dan /

atau pemegang-pemegang polisi yang terjejas
oleh skim ini di www.aia.com.bn dan di
tempat dan masa berikut :

Syarikat AIA Berhad (Cawangan Brunei)
5th Floor, Pavo Point
Simpang 37, Jalan Kianggeh
Kampung Kianggeh
Mukim Kianggeh, BA1211
Daerah Brunei Muara
Negara Brunei Darussalam

Isnin hingga Khamis
9.00 Pagi hingga 4.00 Petang

Jumaat
9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 4.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM
KELAS : II, III & IV SAHAJA
KATEGORI : KA01 SAHAJA

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
SELASA, 15 OKTOBER 2019

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
SELASA, 5 NOVEMBER 2019
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DWS / 024 / 2019

NAMA PROJEK :
MENUKAR SALURAN PAIP DALAM
TANAH KEPADA SALURAN PAIP
ATAS TANAH (ABOVE GROUND)
BAGI STESEN JANAKUASA
GADONG 1A

YURAN TAWARAN :
BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : II & III SAHAJA
KATEGORI : KA01 SAHAJA

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
SELASA, 22 OKTOBER 2019

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
SELASA, 5 NOVEMBER 2019
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DWS / 025 / 2019

NAMA PROJEK :
MEMBEKAL DAN MEMASANG
SALURAN PAIP BARUN PILI
BOMBA HANGAR 1 DAN
HANGAR 2

YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

Syarat-syarat Tawaran :

DOKUMEN-dokumen tawaran bolehlah
dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian
Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya, Jalan Lapangan Terbang
Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.



**JABATAN PENTADBIRAN
DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN**

BILANGAN TAWARAN :
DA / JKSH / 56 / 2019 / 2020
[BPPA - OKT - 2019]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
KATOK 'B', JALAN NENAS SENGGOL,
STKRJ MATA-MATA, KLUSTER 1,
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.

BILANGAN TAWARAN :
DA / JKSH / 57 / 2019 / 2020
[BPPA - OKT - 2019]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
SELANGAN, KLUSTER 1,
DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.

BILANGAN TAWARAN :
DA / JKSH / 58 / 2019 / 2020
[BPPA - OKT - 2019]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
PENGIRAN ANAK PUTERI BESAR,
SUNGAI KEBUN, KLUSTER 2,
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.

BILANGAN TAWARAN :
DA / JKSH / 59 / 2019 / 2020
[BPPA - OKT - 2019]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
MABOHAI, KLUSTER 2,
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.

BILANGAN TAWARAN :
DA / JKSH / 60 / 2019 / 2020
[BPPA - OKT - 2019]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
ORANG KAYA SETIA BAKTI
KILANAS, KLUSTER 2,
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.

BILANGAN TAWARAN :
DA / JKSH / 61 / 2019 / 2020
[BPPA - OKT - 2019]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
ANGGEREK DESA, KLUSTER 3,
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.

BILANGAN TAWARAN :
DA / JKSH / 62 / 2019 / 2020
[BPPA - OKT - 2019]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH
RIMBA GADONG, KAMPUNG RIMBA
GADONG, KLUSTER 4,
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.

BILANGAN TAWARAN :
DA / JKSH / 63 / 2019 / 2020
[BPPA - OKT - 2019]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
DANAU, KLUSTER 5,
DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.

BILANGAN TAWARAN :
DA / JKSH / 64 / 2019 / 2020

[BPPA - OKT - 2019]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH
MUHAMMAD ALAM, KLUSTER 6,
DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SETIAP
SEBUT HARGA :**
BND5.00

[Bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
19 OKTOBER 2019
[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN
WANG BAYARAN YURAN / DOKUMEN**

SEBUT HARGA :
Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi
1.45 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

**SYARAT-SYARAT IKLAN
SEBUT HARGA**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dimiliki dan dijalankan oleh warga tempatan.
2. Bayaran dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga adalah dikehendaki dalam bentuk wang tunai. Penender adalah dikehendaki membayar semua bayaran dokumen sebut harga seperti yang diiklankan yuran sebut harga tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang jujur (*bona-fide-tender*).
3. Kadar Bayaran dokumen sebut harga adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan sebut harga.
4. Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar borang dokumen sebut harga, di **Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam**. Sila pastikan Resit pembayaran borang dokumen sebut harga yang di terima adalah betul.

5. Borang-borang sebut harga boleh diperoleh di **Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam** dengan menyertakan resit pembayaran dokumen.

6. Setiap borang sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan resit bayaran dokumen sebut harga.

7. Sebut harga-sebut harga hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis bilangan sebut harga, tajuk sebut harga dan tarikh tutup sebut harga tanpa menunjukkan identiti penender dan ditujukan kepada :

**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Pentadbiran
dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan
Bangunan Kementerian Pendidikan
Blok 'A' Tingkat 1
Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A'
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan. BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

8. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kaunter Penyambut Tetamu Pintu Utama Lantai Bawah di Antara Blok 'B' dan 'C', Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

9. Sebut harga-sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai sebut harga tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau sebarang sebut harga yang tidak munasabah.

11. Setiap sebut harga yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penender yang menolak atau membatalkan sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperoleh atau setelah tutup sebut harga akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang di berikan oleh Lembaga Tawaran Negara.



**JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

BIL. SEBUT HARGA :
DCCE / UB / KW / 4F(04)

KETERANGAN :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERALATAN
MEDIC (1ST AID) PASUKAN BULAN SABIT MERAH, UNIT BERUNIFORM
DAN PERKHIDMATAN KEMASYARAKATAN, JABATAN PENDIDIKAN
KOKURIKULUM, KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BAYARAN DOKUMEN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

TARIKH DIBUKAKAN :
8 OKTOBER 2019

TARIKH TUTUP :
22 OKTOBER 2019 (tidak lewat jam 2.00 Petang)

Borang-borang sebut harga bolehlah di peroleh di :
**Bahagian Kewangan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum
Tingkat 1, Jalan 10
Kampung Perpindahan Lambak Kanan
Negara Brunei Darussalam**

Borang-borang sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat :
**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga Program 7 - Lain-lain Program
dan Institusi Pendidikan
Jalan 10
Kampung Perpindahan Lambak Kanan
Berakas, BC2315
Negara Brunei Darussalam.**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : II & III
KATEGORI : B01 SAHAJA - KOD BAHARU**

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :
15 OKTOBER 2019 (SELASA)

TARIKH TUTUP :
29 OKTOBER 2019 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 20 / CQS / 2019 - T / II

NAMA PROJEK :
**MENGUBAHSUAI BLOK PENJARA MARABURONG DAN KATIL
PEMBEDAHAN BAGI PERLAKSANAAN PERINTAH KANUN HUKUMAN
JENAYAH SYARIAH 2013**

NO. PROJEK :
JKR / DTS / SP / 11 / 2019

YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -



KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

MEMOHON MENYIARKAN IKLAN BAGI 12 MONTHS TERM CONTRACT FOR AIR-CONDITIONING SYSTEM FOR KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN (2019-2020)

1. TAWARAN hanya dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pambangunan **Kategori M01 sahaja** di Negara Brunei Darussalam.

2. Setiap Borang Tawaran yang telah diisi dengan lengkap HENDAKLAH DIHANTAR BERSERTA DENGAN SALINAN SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 DAN SALINAN RESIT. Tawaran hendaklah diisikan dan di cap syarikat dengan menggunakan dakwat berwarna BIRU sahaja.

3. Borang Tawaran serta salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 hendaklah dihantar dalam SAMPUL SURAT BIASA YANG TERTUTUP, pada bahagian atas sampul surat tersebut ditulis dengan jelas TAJUK atau sebagaimana yang diiklankan

serta tanpa menunjukkan identiti pembekal dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN yang ditujukan kepada :

**Pengerusi
Sebut Harga
Bahagian Kewangan, Tingkat 1
Bangunan Kementerian Hal Ehwal
Ugama
Jalan Menteri Besar
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam.**

4. Mengambil borang tawaran mula dibukakan pada **Isnin, 23 Muharam 1441H** bersamaan **23 September 2019M** dan tarikh akhir mengambil borang tawaran ialah pada **Sabtu, 27 Safar 1441H** bersamaan **26 Oktober 2019M, jam 10:00 Pagi.**

5. Tempat untuk mendapatkan Borang Tawaran tersebut ialah di **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam** pada hari-hari dan jam kaunter bertugas sahaja dengan Harga Dokumen **BND10.00 (tidak dikembalikan).**



JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**BIL. SEBUT HARGA :
SP.ED / ADMIN / 26 / 1 PT.6 (07)**

**TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR INK
CARTRIDGE DAN TONER UNTUK
UNIT PENDIDIKAN KHAS,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN.**

**BAYARAN DOKUMEN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**BIL. SEBUT HARGA :
SP.ED / ADMIN / 26 / 1 PT.6 (08)**

**TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR ALAT BANTU
MENGAJAR UNTUK UNIT
PENDIDIKAN KHAS,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BAYARAN DOKUMEN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**BIL. SEBUT HARGA :
SP.ED / ADMIN / 26 / 1 PT.6 (09)**

**TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR UNTUK
UNIT PENDIDIKAN KHAS,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BAYARAN DOKUMEN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**BIL. SEBUT HARGA :
SP.ED / ADMIN / 26 / 1 PT.6 (10)**

**TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR PERALATAN
DAN ALAT BANTU MENGAJAR
UNTUK PUSAT KECEMERLANGAN
/ CENTRE OF EXCELLENCE (COE)
TEMBURONG**

**BAYARAN DOKUMEN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**BIL. SEBUT HARGA :
SP.ED / ADMIN / 26 / 1 PT.6 (11)**

**TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR PERALATAN
DAN ALAT BANTU MENGAJAR
UNTUK PUSAT KECEMERLANGAN**

**/ CENTRE OF EXCELLENCE (COE)
TEMBURONG**

**BAYARAN DOKUMEN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**BIL. SEBUT HARGA :
SP.ED / ADMIN / 26 / 1 PT.6 (12)**

**TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR PERALATAN
DAN ALAT BANTU MENGAJAR
UNTUK PUSAT KECEMERLANGAN
/ CENTRE OF EXCELLENCE (COE)
TEMBURONG**

**BAYARAN DOKUMEN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**BIL. SEBUT HARGA :
SP.ED / ADMIN / 26 / 1 PT.6 (13)**

**TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR PERALATAN
DAN ALAT BANTU MENGAJAR
UNTUK PUSAT KECEMERLANGAN
/ CENTRE OF EXCELLENCE (COE)
TEMBURONG**

**BAYARAN DOKUMEN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**TARIKH DIBUKAKAN :
8 OKTOBER 2019**

**TARIKH TUTUP :
22 OKTOBER 2019
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

Borang-borang sebut harga bolehlah diperoleh di :
**Bahagian Kewangan, Jabatan Pendidikan
Kokurikulum
Tingkat 1, Jalan 10
Kampung Perpindahan Lambak Kanan
Negara Brunei Darussalam**

Borang-borang sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat :

**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga Program 7
- Lain-lain Program
dan Institusi Pendidikan
Jalan 10
Kampung Perpindahan Lambak Kanan
Berakas, BC2315
Negara Brunei Darussalam.**



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM KELAS : III /
IV KATEGORI : KA01 / B01**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
15 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN
PADA :
22 OKTOBER 2019 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN :
JKR / DBS / ETE001 / 2019
NAMA PROJEK :
PENGUBAHSUAIAN DAN
TAMBAHAN LALUAN POST
KAWALAN IMIGRESEN
SEMENTARA LABU DAERAH
TEMBURONG**

PROJEK : 2019DBSETM / JKR2019

**YURAN TAWARAN : BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

1. SEBUT HARGA adalah dibukakan kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas III, V dan VI) dan Sijil Pendaftaran Seksyen 16 & 17.

- Kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran perkhidmatan dan pemeliharaan tepi jalan *road side maintenance and cleaning works* dalam Kategori Perkhidmatan (S) iaitu S03 atau pembinaan mestilah mempunyai Lesen Pembina Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

- Kontraktor dan pembekal yang menyertai Sebut Harga binaan bangunan mestilah mempunyai lesen dalam kerja-kerja bangunan (KPB) iaitu B01 atau KPB 11 (JKR) dan Lesen Pembina Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

2. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga.

Tajuk Sebut Harga :
**TERM CONTRACT FOR SIX (6)
MONTHS BUILDING MAINTENANCE
CIVIL WORKS, BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT - FSOR**
Bilangan tawaran :
AME / 2019-2020 / SH - 77

Tarikh iklan / mengambil dokumen
sebut harga :
**Bermula Selasa, 24 September 2019
selama dua minggu**

Tarikh terakhir mengambil
dokumen sebut harga :
**Selasa, 8 Oktober 2019
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

Tarikh tutup sebut harga :
**Rabu, 9 Oktober 2019
(hingga jam 2.00 Petang)**

Kepada :

**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah
Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.**

3. Sebut harga hendaklah sampai kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Penerbangan Awam tidak lewat jam 2.00 Petang, Rabu, 9 Oktober 2019.** Sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Iklan sebut harga bolehlah dilihat melalui laman sesawang :
<http://www.civil-aviation.gov.bn>

5. Kontraktor yang berminat untuk membuat sebut harga dikehendaki memperoleh dokumen-dokumen dari **Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam** dengan membayar yuran dokumen sebanyak **BND10.00 (hardcopy) - tidak dikembalikan** bagi setiap sebut harga dan pembayaran sebut harga diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu**

8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi

6. Yuran sebut harga tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima sebut harga yang rendah atau lain-lain sebut harga.

8. Sesi taklimat sebut harga (*briefing*) lawatan ke tapak (*site visit*) bagi tawaran telah diadakan pada :

**Pada : 3 Oktober 2019 (Rabu).
Jam : 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
atau
1.45 Petang hingga 3.00 Petang**

**Bertempat :
Dewan Serbaguna
Bangunan Kejuruteraan
Dan Pemeliharaan Aset (AME)
Jabatan Penerbangan Awam
Negara Brunei Darussalam.**



JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI

**PEMBELIAN PLET-PLET
ALUMINIUM TERPAKAI (USED
PRINTING PLATES), JABATAN
PERCETAKAN KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
- DUA (2) TAHUN KONTRAK**

**BILANGAN TAWARAN :
GP / Korp / STI / 3.10 (2)**

DOKUMEN-dokumen dan syarat-syarat bagi pembekal untuk sebut harga tersebut boleh didapatkan di Kaunter 1, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Bay 1, Aras Bawah, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam bila-bila masa waktu bekerja.

Tempat menghantar Sebut Harga :

**Pengerusi Sebut Harga
Peti Sebut Harga
Unit Pentadbiran
Bay 1, Aras Atas
Jabatan Percetakan Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Tutup menghantar Sebut Harga pada :
Rabu, 23 Oktober 2019, jam 2.00 Petang

Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat dan borang tawaran, sila hubungi Dayang Hajah Nor Khadijah binti Haji Donglah, Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas, melalui talian +673 2382541 sambungan 163 atau e-mel khadijah.donglah@printing.gov.bn

Hukum isteri mengiringi jenazah suami ke perkuburan dan menziarahi kubur suami ketika menjalani 'iddah

KELUARAN KEDUA

Kewajipan Isteri Tetap Tinggal di Rumah Ketika Menjalani 'Iddah

SEORANG isteri yang dalam 'iddah (kerana kematian suami) diwajibkan untuk tetap tinggal di rumah kediaman sepanjang tempoh menjalani 'iddahnya sama ada rumah miliknya atau rumah yang disediakan oleh suaminya yang bersesuaian dengan isteri. Dia tidak boleh keluar daripada rumah tersebut kecuali kerana adanya hajat.

Perkara ini jelas disebut oleh al-Qadhi Abi Syuja' Rahimahullah dalam kitab Matan Ghayah wa Taqrib :

Ertinya : "Dan (wajib) ke atas perempuan yang kematian suaminya dan perempuan yang dicerai dari suami (dengan tiga kali talak) mendiami rumah (sepanjang tempoh 'iddah) kecuali (keluar) kerana ada hajat".

Hajat yang dimaksudkan ialah keluar pada siang hari untuk memenuhi keperluan dirinya dan anak-anaknya seperti membeli barang keperluan, berubat, bekerja dan seumpamanya. Ini kerana nafkahnya tidak lagi ditanggung oleh suami dan tidak ada orang lain yang dapat menolongnya dalam melaksanakan perkara-perkara tersebut.

Walau bagaimanapun, isteri dilarang untuk keluar dari rumah pada waktu malam melainkan ada hajat atau keperluan yang tidak dapat dilaksanakan ketika siang hari, maka dalam hal ini dia dibolehkan keluar malam dengan syarat dia dalam keadaan aman iaitu tidak mendatangkan fitnah kepadanya.

Begitu juga harus dia keluar ke rumah jiran perempuan yang bersebelahan atau yang berdekatan dengan rumahnya jika dia yakin dirinya aman atau selamat daripada perkara-perkara yang tidak elok, sekalipun untuk menyenangkan hatinya, berbual-bual atau untuk menjahit dan sebagainya. Dengan syarat mestilah, 1) keluarnya ke rumah jiran perempuan itu pada tempoh yang munasabah mengikut kadar adat atau kebiasaan, 2) tidak ada bersamanya (di rumahnya) sesiapa yang boleh berbual dengannya atau menghiburkannya, 3) pulang dan bermalam di rumahnya sendiri. Maksud jiran di sini ialah orang yang berdekatan dengan rumahnya hingga jarak 40 buah rumah dari setiap sudut rumahnya.

Selain daripada itu, isteri diharuskan keluar rumah apabila berlaku darurat dan sebab darurat ini lebih utama daripada hajat. Umpamanya isteri yang dalam 'iddah berpindah dari rumah kerana takut dan khuatir akan berlaku kebinasaan ke atas dirinya atau ke atas anaknya atau ke atas hartanya seperti berlaku keruntuhan, ditenggelami air, ada pencuri atau ditakuti terjadi tohmah ke atas diri isteri jika dia berterusan tinggal di rumah tersebut.

Jika sekiranya isteri meninggalkan kewajipan untuk tetap tinggal di rumah tanpa ada hajat untuk melakukan sedemikian, maka dia telah melakukan dosa. Perkara ini disebutkan dalam kitab-kitab karangan ulama asy-Syafi'iyah, antaranya dalam kitab Asna Mathalib, Tuhfah al-Muhtaj syarh al-Minhaj dan Mughni al-Muhtaj syarh al-Minhaj. Imam an-Nawawi Rahimahullah menyebutkan secara jelas mengenai perkara ini dalam kitab Raudhah ath-Thalibin wa 'Umdat al-Muftin :

Ertinya : "Jika isteri meninggalkan ihdad yang diwajibkan ke atasnya pada keseluruhan tempoh (iddah) atau sebahagian tempoh (iddah), maka dia berdosa dan selesai 'iddahnya (sebagai-mana tempoh yang ditetapkan tanpa perlu mengulang disebabkan dia meninggalkannya). Begitu juga jika dia meninggalkan kewajipan tinggal di rumah dan keluar (rumah) tanpa ada hajat, maka dia berdosa dan selesai 'iddahnya dengan berlalunya tempoh 'iddah (tanpa perlu mengulang tempoh tersebut)".

Mengiringi Jenazah ke Perkuburan dan Ziarah Kubur Bagi Isteri yang Menjalani 'Iddah Kematian Suami

Imam Ibnu Hajar dalam kitab Tuhfah al-Muhtaj menyebutkan bahawa hukum mengiringi jenazah bagi lelaki adalah sunat muakkadah dan makruh bagi perempuan jika tidak ditakuti timbul fitnah daripada perbuatannya mengiringi jenazah.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ummu 'Athiyah Radhiallahuanha, katanya :

Maksudnya : "Kami dilarang untuk mengiringi jenazah, dan tidaklah ditekankan (larangan tersebut) ke atas kami".

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan hadis di atas, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melarang kaum perempuan untuk mengiringi jenazah dan larangan di atas berupa makruh

tanzih. Larangan ini disebabkan sifat perempuan yang kurang sabar iaitu kurang tenang dan tidak kuat untuk menahan kesedihan.

Walau bagaimanapun jika dengan perbuatan perempuan mengiringi jenazah itu boleh menimbulkan fitnah seperti terjadinya percampuran antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram atau mengandungi perkara-perkara haram seperti perempuan itu meraung, memekik dan meratap kerana terlalu sedih, maka hukum mengiringi jenazah bagi perempuan adalah haram.

Manakala hukum ziarah kubur bagi perempuan pula adalah bergantung kepada tujuan dan keadaannya ketika berziarah. Hukum asalnya adalah makruh sekalipun tujuannya untuk mengambil iktibar, untuk mengingatkan kematian, alam barzakh dan alam akhirat.

Akan tetapi hukum makruh tersebut bertukar menjadi haram apabila perempuan tersebut keluar berziarah kubur tanpa izin suami atau wali, atau mereka melakukan perkara yang boleh mengundang fitnah seperti terjadinya percampuran antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram, atau ziarah itu boleh menimbulkan semula perasaan dukacita dan untuk meratapi si mati.

Berbeza pula hukumnya menziarahi makam Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Hukumnya adalah sunat bagi lelaki dan juga perempuan dengan izin suami atau wali. Begitu juga menurut sebahagian ulama, sunat berziarah ke kubur para nabi, para ulama dan para wali.

Khusus bagi isteri yang kematian suami, wajib baginya menjalani 'iddah dan ihdad (berkabung) sepanjang tempoh yang ditentukan sejurus kematian suaminya. Bahkan bagi si isteri itu berdosa apabila dengan sengaja dan mengetahui melakukan perkara-perkara yang dilarang ketika menjalani 'iddah seperti keluar rumah tanpa hajat dan bukan kerana darurat.

Dalam perkara mengiringi jenazah suami ke perkuburan pula, ia tidak termasuk dalam perkara hajat dan darurat yang disebut oleh syarak yang membolehkan isteri yang menjalani 'iddah untuk keluar rumah. Kerana itu isteri dilarang keluar dari rumah kediaman untuk mengiringi jenazah suami dan dia berdosa jika dia melakukannya tanpa hajat atau darurat sebagaimana penjelasan syarak

الإسلام حلال

IRSYAD HUKUM

حَاجَاتُ مَفِي كَرِّ الْخَلْقِ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

mengenaunya.

Begitu juga larangan dalam perkara menziarahi kubur sepanjang menjalani tempoh 'iddah kerana ziarah kubur tidaklah termasuk dalam maksud hajat yang membolehkan isteri ber'iddah untuk keluar dari rumah.

Asy-Syeikh Ibrahim al-Baijuri Rahimahullah menyebut dalam Hasyiyah beliau berkaitan perkara 'iddah :

Ertinya : "(Dan haram ke atas isteri yang baru kematian suami) ziarah kubur para aulia dan orang-orang saleh, hatta kubur suaminya yang meninggal".

Imam al-Qalyubi Rahimahullah juga menyebutkan mengenai perkara ini sebagaimana kata beliau :

Ertinya : "Dan diharamkan (ziarah kubur) ke atas perempuan yang menjalani 'iddah walaupun ('iddah) kerana kematian suami".

Kesimpulan

Berdasarkan pendapat para ulama tentang keharaman meninggalkan kewajipan 'iddah dan ihdad (berkabung) kecuali kerana hajat atau darurat, maka sudah jelas seorang isteri keluar rumah untuk mengiringi jenazah suaminya yang meninggal dunia sehingga ke perkuburan dan menziarahi kubur suaminya dari bermula kewajipan 'iddah sehingga selesai adalah dilarang dan berdosa. Ini kerana mengiringi jenazah dan ziarah kubur tidak termasuk dalam perkara hajat dan darurat yang membolehkan perempuan ber'iddah untuk keluar rumah. Perlu diingat bahawa maksud hajat yang dibenarkan itu seperti keluar rumah untuk bekerja, manakala darurat pula seperti isteri takut berlaku kemudharatan ke atas dirinya jika dia tetap mendiami rumah tersebut sepanjang tempoh ber'iddah. Paling utama kewajipan ber'iddah dan ihdad (berkabung) yang dijalani isteri ini sebagai mentaati perintah syarak dan menghormati hak suami yang sudah tiada.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولان قوسه دعوه اسلاميه

Bersih zahir dan batin

diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya :

"Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala itu suci, Dia Maha Bersih yang menyukai kebersihan, Dia Maha Mulia yang menyukai kemuliaan, Dia Maha Indah yang menyukai keindahan kerana itu bersihkanlah tempat-tempatmu".

Allah Subhanahu Wata'ala menyukai ham-ba-Nya yang sentiasa mensucikan diri sebelum melakukan ibadah. Dengan membersihkan diri daripada sebarang kekotoran dan mengangkat hadas melalui wuduk, seluruh anggota badan akan menjadi bersih dan bersemangat untuk beribadah menghadap Allah Subhanahu Wata'ala.

Membersihkan diri adalah amalan-

amalan sunat yang dituntut dalam Islam. Ini termasuk seperti mencukur misai, mencukur bulu, memotong kuku dan sebagainya yang bertujuan untuk mengekalkan kesihatan, mengelak diri daripada sebarang penyakit, lambang kecantikan, kekemasan, kebersihan dan sebagai nilai personaliti orang Islam.

Kebersihan tidak hanya terbatas pada zahir atau luaran sahaja, malahan kebersihan batin atau dalaman juga perlu dititikberatkan lebih-lebih lagi kebersihan hati. Seperti hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim daripada Nu'man bin Basyir, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya :

"Ketahuilah, sesungguhnya di dalam tubuh terdapat segumpal daging.

Apabila segumpal daging tersebut baik, (maka) baiklah seluruh tubuhnya. Dan apabila segumpal daging itu buruk, (maka) buruklah seluruh tubuhnya. Ketahuilah, segumpal daging itu adalah hati".

Kebersihan hati adalah hati yang bersih daripada hasad dengki, sifat sombong, khianat dan sebagainya yang kemudian ia dihiasi pula dengan akhlak-akhlak yang terpuji.

Allah Subhanahu Wata'ala memberi jaminan bahawa orang yang mensucikan dirinya daripada sebarang kekotoran hati sama ada kebersihan zahir ataupun kebersihan batin adalah orang yang berjaya mendekatkan diri kepada Allah dan pasti akan mendapat ganjaran pahala yang sangat besar.

...Sekitar Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah...

Dalami konsep MIB, Perintah Kanun Syariah

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) adalah kesepaduan yang lengkap sebagai lunas kepada keutuhan dan kesinambungan berbangsa, bernegara, beragama dan berpemerintahan beraja. Budaya Melayu, ajaran-ajaran Islam dan pemerintahan Beraja yang berdaulat telah diamalkan secara turun temurun sejak Awang Alak Betatar memeluk agama Islam pada tahun 1368H.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Penolong Profesor, Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Pengiran Dr. Khairul Rijal bin Pengiran Haji Abdul Rahim semasa memberikan taklimat mengenai MIB pada Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah (PSLI) Negara Brunei Darussalam kali ke-3 2019 anjuran Jabatan Penerangan bertempat di Auditorium Jabatan berkenaan, di sini.

Menurut Pengiran Dr. Khairul Rijal, berdasarkan Wawasan Brunei 2035, MIB merupakan acuan yang akan membentuk dan mewarnai apa jua kemajuan dan pembangunan yang akan dicapai, untuk kesejahteraan dan kemakmuran hidup rakyat bagi kelangsungan pemerintahan beraja di negara ini.

"Fokus diberikan kepada sejarah kewujudan pemerintahan beraja, sebagaimana yang telah dimasyhurkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984, untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara MIB yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah," tambahnya.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa tujuan MIB menjadi konsep negara ialah untuk terus memupuk, memelihara dan mengekalkan identiti bangsa, pegangan beragama dan juga pemerintahan beraja.

Program kemudiannya

PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019 yang hadir mendengarkan taklimat.



PEMANGKU Ketua Pendakwa Syar'ie, Dayang Hajah Hidayati bin Haji Abdul Hadi (kiri) menyampaikan Taklimat Perintah Kanun Jenayah Syariah.

diteruskan dengan Taklimat Perintah Kanun Jenayah Syariah yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Pendakwa Syar'ie, Dayang Hajah Hidayati bin Haji Abdul Hadi.

Dayang Hajah Hidayati yang antara lain mengetengahkan fasa pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, kepada siapa perintah ini dilaksanakan, pengenalan kesalahan-kesalahan, jenis-jenis hukuman dan kesalahan-kesalahan am.

Seramai 36 peserta terdiri dari lepasan-lepasan ijazah dari institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara menyertai program tersebut iaitu lima peserta lelaki dan 31 peserta perempuan.

Perkampungan sivik merupakan satu projek yang dilaksanakan melalui strategi kerja jabatan iaitu 'Komunikasi Bersemuka' selaras dengan visi jabatan, sebagai salah sebuah agensi peneraju kerajaan dalam menyampaikan dan membarigakan maklumat rasmi kerajaan.

Timba pengalaman, teknik terkini pertanian



KILANAS, Selasa, 1 Oktober. - Para peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019 meneruskan aktiviti mereka hari ini dengan Lawatan ke Perusahaan RZ Prisma.

Semasa lawatan itu, para peserta mendengarkan taklimat mengenai kaedah menanam tumbuhan dalam rumah hijau yang tidak memerlukan penggunaan tanah, iaitu Hidroponik disampaikan oleh

PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019 ketika menyaksikan lebih dekat Proses Penanaman menggunakan Teknik Hidroponik semasa Lawatan ke Perusahaan RZ Prisma.

**Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

Eksekutif Pemasaran RZ Prisma, Dayang Huwaida Khairah Munawwarah binti Haji Abdul Wahab.

Para peserta juga berpeluang menyaksikan kaedah tanaman dengan menggunakan Sistem Hidroponik dan melawat ke ladang asparagus, milik perusahaan berkenaan.

RZ Prisma merupakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), milik tempatan sepenuhnya dan mula ditubuhkan pada tahun 2017.

Perusahaan tersebut pada masa ini menjalankan Operasi Sistem Hidroponik Beralpang Moden

dalam Rumah Hijau dan sasarannya adalah untuk menghasilkan 80 tan metrik sayur-sayuran dan buah-buahan bermutu tinggi sehektar setiap tahun.

Antara tanaman yang dihasilkan perusahaan berkenaan adalah selada pelbagai jenis, termasuk Green Oak Butterhead, Lettuce, Red Coral, Cos Romain dan Frillice Iceberg.

RZ Prisma merancang untuk menghasilkan tanaman seperti Tomato, Timun Jepun, Tembikai Susu (Honeydew) dan herba-herba menggunakan kaedah perladangan moden pada masa akan datang.



PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019 mendengarkan penerangan yang disampaikan oleh wakil daripada Perusahaan RZ Prisma.

...Sekitar Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah... Tingkatkan pengetahuan hal ehwal perniagaan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 September. - Para peserta Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019 menghadiri Taklimat mengenai Perniagaan

yang diadakan di Auditorium, Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi (D&T), Kampung Anggerek Desa, di sini.

Taklimat pertama disampaikan oleh Pengurus DARE, Dayangku Hajah Normadinah binti Pengiran Haji Omarali, antara lain menjelaskan mengenai peranan DARE dalam pembangunan

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), *start up bootcamp* dan PMKS.

Selain itu, beliau juga mengongsikan tentang peranan DARE dalam membantu usahawan-usahawan untuk mengendalikan perniagaan mereka.

Para peserta seterusnya mendengarkan taklimat, iaitu sesi perkongsian bersama Pengasas Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan, antara lain menjelaskan mengenai

penubuhan dan peranan Al-Huffaz Management.

Menurutnya, Al-Huffaz Management adalah sebagai platform untuk orang ramai berhajat untuk mencari guru Al-Quran atau Muqaddam, di samping membantu anak-anak tempatan bekerja sambil sebagai guru mengajar ilmu Al-Quran dan agama dengan cara yang betul, di mana mereka ini mendapat tauliah daripada pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan yang diadakan selama enam hari bermula pada 29 September hingga 4 Oktober 2019.

Para peserta terdiri daripada



PENGURUS DARE, Dayangku Hajah Normadinah binti Pengiran Haji Omarali ketika menyampaikan taklimat.

lepasan-lepasan ijazah dari institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.



Ketahui tanggungjawab menjayakan Wawasan Negara 2035



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Dayang Amelina binti Awang Haji Tengah semasa menyampaikan Taklimat Wawasan Brunei 2035 kepada para peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga bagi Tahun 2019 di Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BERAKAS, Isnin, 30 September. - Semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang merangkumi orang awam, pemimpin akar umbi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Sektor Swasta, Sektor Awam, Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 dan para peneraju hendaklah mempunyai kesedaran mengenai tanggungjawab masing-masing dalam sama-sama menjayakan Wawasan Negara 2035.

NBD menjelang tahun 2035 hendaklah dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran tinggi dan berjaya

yang diukur dengan taraf-taraf antarabangsa tertinggi, sesuai dengan wawasan tersebut.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Dayang Amelina binti Awang Haji Tengah semasa menyampaikan Taklimat Wawasan Brunei 2035 kepada para peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga bagi Tahun 2019 di Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, Berakas, di sini.

Dayang Amelina seterusnya menjelaskan negara ini juga akan

mempunyai kualiti kehidupan rakyat dengan hasrat menjadi 10 negara teratas di dunia menurut Indeks Pembangunan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

"Wawasan Brunei 2035 adalah penting demi generasi pada masa ini dan generasi masa hadapan, di mana ia adalah satu harapan negara untuk mempertahankan kesejahteraan rakyat serta kepada anak-anak bangsa masa kini," jelas beliau lagi.

Dayang Amelina seterusnya mengongsikan mengenai beberapa inisiatif Jabatan Perdana Menteri untuk membarigakan Wawasan Brunei 2035, di antaranya seperti pembangunan laman sesawang bagi Wawasan Brunei 2035, promosi-promosi melalui pengiklanan di Radio Televisyen Brunei dan di rangkaian-rangkaian radio, bengkel-bengkel dan taklimat-taklimat.

Para peserta program seterusnya mendengarkan sesi Taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Dalam taklimatnya, Dayang Hajah Noorhijrah antara lain mengongsikan tentang tanggungjawab negara kepada rakyat, bermatlamat untuk memberi perlindungan, jaminan dan kesejahteraan, menyediakan kemakmuran juga kebajikan demi menjaga keselamatan, keamanan dan ketenteraman.

"Manakala bagi rakyat dan penduduk pula, mempunyai tanggungjawab kepada negara dan pemerintah juga kepada masyarakat dan kepada keluarga. Antara peranan dan tanggungjawab rakyat dan penduduk itu adalah taat setia kepada raja sultan; menghormati dan mematuhi perlembagaan dan undang-undang mendaulatkan sistem pemerintahan beraja; mengiktiraf dan menghormati bangsa Melayu dan agama Islam; Mendukung konsep Melayu Islam

Manfaatkan ilmu, lakukan perkara berfaedah

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 September. - Peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019 diingatkan supaya memanfaatkan ilmu yang telah dipelajari dengan melakukan perkara yang mendatangkan faedah sementara menunggu tawaran pekerjaan.

Perkara tersebut antara yang disuarakan oleh Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor, selaku penceramah undangan semasa menyampaikan ceramah motivasi kepada para peserta program yang berlangsung di Auditorium, Jabatan Penerangan.

Selain dari memberikan tip menghadapi temu duga, Awang Haji Ali Yusri juga menyarankan para graduan lepasan ijazah untuk mencari tujuan dan hala tuju masing-masing dengan ilmu dan kepakaran yang ada untuk menimba pengalaman bagi meraih keberkatan ilmu tersebut.

Peserta seramai 36 orang yang terdiri daripada lepasan ijazah dari dalam dan luar negara tersebut digalakkan untuk berkongsi ilmu dengan komuniti sekeliling, seperti memberi tunjuk ajar kepada pelajar sekolah yang menjalani peperiksaan, memulakan projek atau perniagaan, yang mana pengalaman darinya nanti akan boleh membantu dalam menjawab soalan temu duga di masa akan datang.

Selain itu, beliau turut menegaskan pentingnya memperbaiki hubungan kekeluargaan di antara ibu bapa dan anak-anak terutama di zaman serba moden ini.

Memanfaatkan ilmu dalam bidang masing-masing, jelasnya, merupakan salah satu cara untuk membalas jasa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang membiayai pembelajaran rakyat negara ini dari peringkat rendah hingga peringkat tertinggi.



PEMANGKU Ketua Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor, selaku penceramah undangan semasa menyampaikan ceramah motivasi kepada para peserta program berkenaan.

Beraja; Mendukung Wawasan Brunei 2035; dan mewujudkan perasaan setia dan cinta kepada raja," jelas beliau lagi.

Program tersebut dihadiri oleh seramai 36 peserta yang terdiri daripada lepasan-lepasan ijazah dari institusi-institusi pengajian

tinggi dalam dan luar negara.

Ia antara lain bertujuan untuk menjadi salah satu platform ke arah melengkapkan para peserta untuk mampu berdaya saing, mampu menghadapi segala cabaran dan merebut peluang-peluang pekerjaan.



PARA peserta Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019 yang menghadiri taklimat tersebut.



Apa Pendapat Biskita?

Guru ejen perubahan sosial berkesan

TANGGAL 23 September setiap tahun menjadi hari yang ditunggu-tunggu oleh semua warga bergelar guru atau panggilan keramatnya 'Cikgu'. Slogan Hari Guru yang dipilih pada tahun ini ialah 'Belajar Sepanjang Hayat'. Di sebalik slogan yang dipilih setiap tahun, sudah pasti terselit peranan dan tanggungjawab serta jasa seorang yang bergelar guru. Begitulah betapa rencamnya peranan guru. Ini membuktikan bahawa slogan 'Belajar Sepanjang Hayat' sangat signifikan dengan peranan utama guru dalam melunaskan akauntabiliti mereka. Guru seperti lilin membakar diri adalah analogi klise yang relevan sepanjang masa. Dalam semua agenda pembangunan negara, guru adalah nadi penggerak utama yang sentiasa berkorban tenaga dan masa. Slogan ini juga memberikan mesej yang cukup jelas mengenai tuntutan dan harapan masyarakat dan negara terhadap peranan guru yang semakin hari semakin mencabar.

Apa pula kata sesetengah masyarakat tentang sumbangan guru kepada masyarakat dan negara melalui Apa Pendapat Biskita kali ini.

"Walaupun saya sudah meninggalkan alam yang penuh nostalgia sebagai guru, setiap kali menjelang Sambutan Hari Guru, hati kecil saya pasti terusik dan mengimbau kembali ketika saya dipanggil oleh murid 'Cikgu'. Malah murid saya juga turut menghadiahkan dengan ucapan Selamat Hari Guru yang tidak lekang daripada bibir mereka serta pemberian hadiah yang amat menyentuh hati. Semua itu dilakukan oleh murid sebagai tanda terima kasih dan penghargaan terhadap jasa dan titik peluh guru mereka walau di mana juga ceruk rantau sekolahnya. Kini, Hari Guru disambut lagi buat kali ke-29 dengan meletakkan peranan guru sebagai pembina negara bangsa. Peranan guru dilihat sebagai individu yang membina dan membentuk kualiti murid dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi memenuhi aspirasi pendidikan negara.

"Begitulah betapa besar dan hebat amanah serta komitmen yang harus dipikul oleh guru. Kanak-kanak belajar daripada orang dewasa, sebab itulah seawal usia kanak-kanak lagi mesti diterapkan dengan nilai murni. Ini kerana kanak-kanak mempunyai minda bawah sadar yang terbuka luas. Apa sahaja yang ada depan mata akan diterima tanpa ada sebarang prejudis. Justeru, gurulah yang bertindak untuk mencorak dan membina sudut fikir seseorang hingga menjadi manusia yang bersifat *rabbani* dan inilah juga salah satu sumbangan terbesar guru kepada bangsa dan negara kita untuk melahirkan masyarakat yang berpendidikan tinggi demi menjadi pemangkin seterusnya di dalam membangun bangsa dan negara". - **Mantan Cikgu Asiah Mohammad, BSB.**

"Tanpa guru, kita tidak akan berada pada posisi sekarang dengan pelbagai kejayaan, ketinggian ilmu dan jawatan disandang. Setinggi mana kejayaan digapai oleh muridnya, tidak akan terlintas langsung rasa cemburu dalam sanubari seorang guru. Keikhlasan seorang guru menjadikan mereka mampu tersenyum puas apabila melihat kejayaan anak didiknya. Falsafah seorang guru cukup mudah, tetapi mendalam iaitu kejayaan anak didiknya adalah kejayaan guru jua, walaupun mereka tidak menerima apa-apa ucapan atau hadiah akan sumbangan dan jasa mereka. Cukuplah sekadar melihat daripada kejayaan anak didik yang diasuh, menjadi manusia berguna kepada negara bangsa dan yang lebih penting meraih kejayaan dunia dan akhirat. Dalam semua agenda pembangunan negara, guru adalah nadi penggerak utama yang sentiasa berkorban tenaga dan masa. Peranan guru dalam membina negara bangsa merujuk kepada melahirkan insan yang mempunyai jati diri beridentiti keBruneian". - **Wan Mohd Idrus, Muara.**

"Bagi menyempurnakan peranan dalam membina negara bangsa menerusi kelahiran warga yang berpengetahuan guru mesti menguasai disiplin ilmu yang diajar. Menyampaikan ilmu secara kreatif dan inovatif selari dengan perkembangan teknologi terkini. Menggunakan pendekatan, strategi dan teknik pengajaran yang pelbagai termasuk berani mencuba pembelajaran Abad Ke-21. Di samping itu, guru perlu meningkatkan profesionalisme sama ada tahap kelayakan ataupun mengikuti kursus-kursus dalam perkhidmatan. Dalam konteks membangunkan warga berketerampilan dalam pembinaan negara bangsa, guru sendiri perlu kompeten. Mereka bukan sahaja mesti memiliki pengetahuan tetapi kemahiran dan berkemampuan mengurus hubungan manusia dengan efektif dan efisien. Dalam hal ini, guru menjadi suri teladan kepada pelajar masing-masing. Sentiasa mematuhi etika pakaian profesion pendidikan dan memastikan pelajar tidak melanggar peraturan pakaian yang telah ditetapkan juga satu daripada amanah yang mesti disempurnakan oleh guru. Melahirkan warga berakhlak mulia adalah tanggungjawab terpenting dalam pembinaan negara bangsa. Ini kerana sebijak dan secekap mana pun warga yang dilahirkan menerusi sistem pendidikan di negara ini, tidak akan memenuhi takrifan negara bangsa sekiranya tidak akur kepada hukum agama dan adat resam tidak terpelihara. Di samping itu, menjadi satu kemestian kepada guru untuk memastikan pelajar mempunyai rasa cinta mendalam kepada lambang kedaulatan negara seperti bendera dan falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja". - **Mohammad Iskandar Zulkarnain bin Haji Mohammad Alimin, Gadong.**

Pada pendapat saya selaku penulis Apa Pendapat Biskita kali ini, saya berpendapat di mana seorang guru yang ikhlas dan memiliki integriti yang tinggi akan setia dengan tugasnya untuk menyebarkan ilmu serta membimbing murid mereka tanpa rasa prejudis. Sebagai seorang guru, saya dapat berasakan bahawa jika kita ikhlas dan amanah dalam tugas, sudah pasti hasilnya di luar jangkaan. Selain itu, pendekatan Accept, Respect, Recognise, Appreciate, Support (ARRAS) perlu diamalkan pada setiap yang bergelar guru kerana dengan adanya ARRAS ini ia mampu untuk memenangi hati warga sekolah serta mewujudkan hubungan yang bertatasusila antara warganya. Dalam membina negara bangsa, warganya mestilah berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri. Dalam hal ini guru perlu istiqamah untuk membangun pelajar yang holistik dalam konteks jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial serta seimbang dalam menguasai ilmu dunia dan akhirat. Oleh itu, guru dalam membina negara bangsa, perlu dinamik melahirkan pelajar yang boleh mencipta kemajuan dan lestari mempertahankan tradisi agar mereka mempunyai jati diri.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

**i. Isu Penderaan Akibatkan Kematian
ii. Perkahwinan Dahulu Dan Sekarang?**



Kenali Bahasa Brunei

mangambit bermaksud memegang dan menarik sesuatu seperti pintu atau jendela ke arah diri sendiri. Contoh pemakaian kata : ia **mangambit** pintu itu sedikit supaya anda nampak urang malintas.

mangamparai bermaksud bertaburan atau bersebaran tentang sesuatu yang pecah seperti kaca atau sesuatu yang meletup seperti percikan bunga api.

Contoh pemakaian kata :

- damai bunga api itu **mangamparai**, barulah bisai usulnya;
- daminya gugur gelas itu ka simin, **mangamparai** pacahnya

angasang-angasang bermaksud kata terletak di tengah-tengah kawasan atau jalan sehingga menghalang perjalanan atau laluan.

Contoh pemakaian kata : luan **angasang-angasang** jua kursi ani, payahtah ku lalu cubatah kasiringkan.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG SUKANG



Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

SAYUR TIBADAK

BAHAN-BAHANNYA :

Bawang merah (dihiris halus)
Bawang putih (dihiris halus)
Lada merah besar (dihiris halus)
Sayur tibadak
Ikan salai air tawar
Daun bagu
Secukup rasa

Belacan (ikut cita rasa)

Garam
Minyak
Air

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Tumis kesemua bahan yang dihiris tadi menggunakan sedikit minyak kecuali daun

bagu dan ikan salai. Setelah naik bau, masukkan secukup rasa, garam dan belacan. Gaul dan masukkan sayur tibadak bersama air. Biarkan hingga empuk dan mendidih. Setelah sayur tadi empuk, masukkan ikan salai, sayur bagu dan jangan dibiarkan mendidih terlalu lama.



Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim
Foto : Jabatan Penerangan
Sumber : Alat Muzik Tradisional Brunei,
Dewan Bahasa dan Pustaka

SALAH satu alat permainan tradisi di negara ini yang diwariskan dari satu generasi ke satu generasi ialah gulintangan. Berbentuk bulat, datar dan menghasilkan bunyi seperti gong, gulintangan merupakan satu alat muzik yang dimainkan bersama lima jenis alat muzik tradisional lainnya iaitu gong, tawak-tawak, gendang labek atau dumbak dan canang dan alat-alat muzik berkenaan dipanggil Orkestra Gulintangan.

Semua peralatan tersebut mempunyai bilangan yang berbeza. Biasanya bilangan yang paling banyak sekali ialah

peralatan gulintangan, mempunyai tujuh atau lapan biji gong kecil dan mempunyai kepentingan tertentu. Gulintangan merupakan alat pengenalan dalam satu-satu permainan dan alat ini sentiasa memainkan peranan penting. Ketiadaan alat ini boleh menyebabkan rangkaian Orkestra Gulintangan tidak dapat berfungsi.

Empat jenis alat daripada lima perangkat gulintangan ini diperbuat daripada tembaga. Tembaga yang digunakan untuk membuat peralatan ini terdiri daripada tembaga keras dan lembut. Kedua-dua jenis tembaga

ini digunakan bagi kepentingan tertentu dalam pembuatan peralatan ini.

Untuk memainkan gulintangan, si pemain akan duduk menghadap gulintangan. Tangan pemain memegang dua batang kayu pemukul untuk memukul bujal atau bucu gulintangan. Kayu pemukul adalah daripada jenis kayu ringan, biasanya kayu sadaman iaitu untuk mengelakkan bujal atau bucu gulintangan latar. Tangan kanan memukul dengan pantas dari sebiji gulintangan ke sebiji gulintangan. Tangan kiri (dengan menggunakan kayu pemukul) hanya berperanan sebagai peningkah setiap pukulan tangan kanan tadi.

Orkestra gulintangan ini dimiliki oleh kelima-lima puak di negara ini dan penggunaannya juga seakan-akan sama di antara puak ini iaitu digunakan dalam majlis perkahwinan, majlis kesyukuran bagi puak yang mengamalkan istiadat ritual dan majlis bagi menyambut atau mengalu-alukan

kedatangan pembesar-pembesar negara.

Namun, ketika ini, muzik dari gulintangan hanya dapat didengar dalam beberapa majlis tertentu.

Cabaran

Seperti mana alat tradisi yang menjadi warisan ketika ini, gulintangan juga berdepan dengan cabaran disebabkan oleh peredaran masa antaranya kurangnya para pemain yang mahir dalam alat muzik tersebut serta pembuat yang berkebolehan untuk membuat alat-alat muzik berkenaan. Semua ini memerlukan kerjasama daripada pihak-pihak berkenaan agar alat tradisi ini

dapat dipertahankan dari generasi ke satu generasi.

Bagi mengatasi cabaran tersebut, beberapa langkah perlu dibuat bagi menghidupkan semula kegemilangan permainan gulintangan seperti mengadakan bengkel gulintangan ke arah membentuk dan membina belia sebagai generasi penerus dalam memastikan warisan seni Brunei ini kekal terpelihara. Oleh itu golongan belia di negara ini diseru agar sentiasa mempunyai rasa tanggungjawab untuk memelihara dan mengembangkan seni warisan tanah air agar ia terus bertahan hingga ke generasi akan datang.



Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
Foto : Jabatan Penerangan

Jaga jantung kita, orang tersayang



HARI Jantung Sedunia yang disambut pada setiap 29 September merupakan salah satu platform bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai penyakit jantung dan pada masa yang sama mengingatkan orang ramai bahawa penyakit kardiovaskular dapat dicegah dengan mengambil langkah-langkah terhadap faktor-faktor risiko penyakit jantung.

Tema Hari Jantung Sedunia pada tahun ini adalah 'Jantung Ku, Jantung Mu' (My Heart, Your Heart) yang memfokuskan pada penjagaan kesihatan jantung kita sendiri dan kesihatan jantung orang-orang yang kita sayangi.

Sambutan Hari Jantung Sedunia pada tahun ini juga turut menyeru orang ramai untuk berjanji menjadi wira jantung (Make A Promise, Be A Heart Hero) dengan berjanji kepada keluarga untuk memasak dan memakan yang lebih sihat dan seimbang, berjanji kepada anak-anak untuk melakukan lebih aktiviti bersukan dan membantu mereka untuk menjadi lebih aktif, mengatakan tidak pada rokok serta membantu orang yang kita sayangi untuk berhenti merokok.

Selain itu, berjanji sebagai pakar penjagaan kesihatan untuk membantu pesakit berhenti merokok atau mengurangkan tahap kolesterol, sebagai penggubal dasar untuk melaksanakan pelan tindakan penyakit tidak berjangkit serta sebagai pekerja untuk mewujudkan tempat kerja yang sihat.

Kedua Tertinggi

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Hari Jantung Sedunia 2019 berkata, penyakit kardiovaskular termasuk penyakit jantung dan strok adalah penyebab utama kematian di seluruh dunia, yang mana menyebabkan lebih kurang 17.9 juta kematian setiap tahun. Jika tidak dibendung, ia dijangkakan akan terus meningkat

kepada lebih kurang 23 juta kematian pada tahun 2030.

Di Negara Brunei Darussalam, terangnya penyakit kardiovaskular adalah penyebab kematian kedua tertinggi selepas kanser, yang mana penyakit tersebut menyumbang kepada hampir 25 peratus punca kematian pada tahun 2018.

Tambahan pula, ujaranya, jumlah pesakit yang menghidap penyakit jantung pada usia yang lebih muda juga semakin meningkat. Trend tersebut adalah amat membimbangkan yang mana pada tahun 2018, lebih kurang 26 peratus daripada kematian pramatang (iaitu kematian sebelum umur 70 tahun) adalah disebabkan oleh penyakit kardiovaskular. Kadar ini menunjukkan peningkatan jika dibandingkan dengan tahun 2013 yang mana kadar kematian pramatang disebabkan penyakit kardiovaskular adalah 20 peratus.

Di samping itu, kata Yang Berhormat, jumlah prosedur-prosedur berkaitan dengan penyakit kardiovaskular juga telah meningkat yang mana jumlah prosedur yang dicatatkan di Pusat Jantung Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (GJPMC) seperti Angiogram pada tahun 2018 adalah 1,241 jika dibandingkan pada tahun 2013 hanya 965; prosedur Angioplasty sejumlah 725 pada

tahun 2018 berbanding 550 pada tahun 2013; dan Pembedahan sejumlah 184 pada tahun 2018 berbanding 165 pada tahun 2013.

Faktor Risiko

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan penyakit kardiovaskular mempunyai beberapa faktor-faktor risiko yang kebanyakannya dapat dicegah atau dirawat dengan efektif jika ia dikesan awal. Faktor-faktor risiko tingkah laku seperti penggunaan tembakau, makan pemakanan yang tidak seimbang dan gaya hidup yang tidak aktif boleh dicegah. Manakala faktor-faktor risiko yang berkaitan seperti obesiti, tekanan darah tinggi, tahap kolesterol tinggi, diabetes atau kencing manis juga dapat dicegah atau dirawat, jika dikesan awal.

Aktiviti Hari Jantung Sedunia

Bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Jantung Sedunia pelbagai aktiviti dan acara telah di susun oleh Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama GJPMC buat julung kalinya menganjurkan Walk, Run & Cycle bersem-

pena Sambutan Hari Jantung Sedunia di negara ini yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara semasa Program Bandarku Ceria.

Acara dimulakan dengan sesi senamrobik beramai-ramai yang diketuai oleh Studio 96 dan seterusnya perlepasan bagi acara Walk, Run and Cycle yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Kategori Berjalan Kaki (Fun Walk) sejauh 1.5 kilometer dan 3Km; Kategori Berbasikal (Fun Cycle) sejauh 10Km dan Kategori Pertandingan Berlari (Competitive Run) bagi lelaki dan perempuan sejauh 11Km yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Pameran-pameran kesihatan dan beberapa aktiviti turut dijalankan sempena Karnival Hari Jantung Sedunia 2019, termasuklah pemeriksaan kesihatan, demonstrasi Cardiopulmonary Resuscitation (CPR), aktiviti permainan bagi kanak-kanak dan orang dewasa, senamrobik secara berjadual dan sebagainya.



ANTARA aktiviti yang dijalankan sempena Karnival Hari Jantung Sedunia 2019, termasuklah demonstrasi Cardiopulmonary Resuscitation (CPR).



Pasukan XNP rangkul Piala Pusingan



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pasukan XNP (Strike No Problem) yang muncul juara bagi Kategori Berpasukan Lelaki, sekali gus membawa pulang Piala Pusingan pada Kejohanan Tenpin Bowling sempena Hari Guru Kali Ke-29 Tahun 2019.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 September. - Pasukan XNP (Strike No Problem) muncul juara Kategori Berpasukan Lelaki, sekali gus membawa pulang Piala

Pusingan pada Kejohanan Tenpin Bowling sempena Hari Guru Kali Ke-29 Tahun 2019 yang berlangsung kelmarin di iBowl, Utama Bowling, Bandar Seri

Begawan, di sini.

Manakala, pasukan Chung Hwa Middle School (CHMS) PHOENIX muncul juara bagi Kategori Berpasukan Perempuan.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Pemain Terbaik Lelaki dalam kejohanan tersebut disandang oleh Pengiran Saiful Rizal dari pasukan XNP, yang mana Pemain Terbaik Perempuan pula dimenangi oleh Marilie Dimacali dari pasukan Rimba II Striker Uno.

Sementara itu, Kategori VIP Lelaki dan Kategori VIP Perempuan, masing-masing dimenangi oleh Dr. Adam bin Haji Jait dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Pengiran Dr. Seri Rahayu binti Pengiran Ya'akub daripada Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Penyampaian sijil kepada para pemenang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Kejohanan anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum itu dibukakan kepada warga

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) (secara jemputan) yang masih di dalam perkhidmatan sahaja.

Tujuan pertandingan diadakan adalah bagi memeriehkan Sambutan Hari Guru Ke-29 Tahun 2019 dan mengembangkan sukan Tenpin Bowling dalam kalangan warga Kementerian Pendidikan.

Ia juga untuk mengenal pasti pemain dalam kalangan warga Kementerian Pendidikan yang berkebolehan untuk mewakili Kementerian Pendidikan dalam acara-acara di peringkat kementerian, kebangsaan ataupun antarabangsa juga meningkatkan tahap disiplin, daya saing dan kesihatan jasmani, sekali gus memupuk semangat harmoni dan silaturahim warga-warga Kementerian Pendidikan dan KHEU.

HALUAN

Dari muka 2

Pada sesi muzakarah kali ini, izinkan peramba / kaola / saya mengongsikan perancangan dan beberapa inisiatif kementerian seperti berikut :

1. Pembangunan Sosioekonomi

Dari segi pembangunan sosioekonomi, dengan penyiapan projek jambatan penghubung Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong ini nanti akan membuka peluang bagi peningkatan sosioekonomi terutama sekali bagi peniaga dan perusahaan tempatan kita di Daerah Temburong.

Beberapa perancangan pembangunan jangka pendek, sederhana dan panjang telah pun dirancang oleh pihak kementerian ini dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan khususnya dalam menaik taraf kawasan Bangar, Temburong. Inisiatif-inisiatif di bawah perancangan perkembangan Daerah Temburong dalam bidang pelancongan dan perusahaan menuju ke arah sebuah eco-smart district melalui Jawatankuasa Autoriti Kemajuan Daerah Temburong juga sedang dan akan dilaksanakan. Usaha-usaha ini InsyaaAllah akan menggalakkan usahawan-usahawan tempatan untuk sama-sama bekerjasama dan berkongsi usaha dalam memajukan Daerah Temburong.

Dalam sektor Perkembangan Peniaga Tempatan dan Perkembangan Sektor Industri Pembinaan, antara inisiatif yang sedang dirancang ialah menyediakan satu laporan iaitu Local Business Development Assessment Report serta kriteria penilaian bagi Anugerah Kontraktor Cemerlang. Sehubungan dengan itu, kementerian sedang meneliti semula Prosedur Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang mana dijangka siap dan akan dikeluarkan pada penghujung tahun ini.

Usaha-usaha ini adalah bertujuan bagi mendukung seruan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk meningkatkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan serta mengembanguaskan kemahiran latihan teknikal dan vokasional. Ia juga diharap untuk terus membina bakat dan kepakaran anak tempatan dalam industri pembinaan serta menjadi pemangkin kepada pembangunan industri tempatan nanti.

Dengan adanya inisiatif-inisiatif ini adalah diharapkan akan dapat membangun kapasiti kontraktor tempatan selaras dengan hasrat kementerian ini bagi mendukung kontraktor tempatan untuk bersaing di peringkat serantau dan antarabangsa dengan memastikan kontraktor dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti industri binaan.

Dalam hal perancangan bandar dan desa serta hal Guna Tanah, pihak kementerian telah mengenal pasti beberapa kawasan tapak tanah kerajaan (government land lease dan infill) untuk

dibukakan kepada pelabur-pelabur tempatan secara pajakan bagi tujuan pembangunan mixed development. Ini termasuklah mengenal pasti beberapa kawasan kecil dengan kemudahan infrastruktur yang minima bagi menggalakkan majlis-majlis perundingan kampung untuk membuat aktiviti-aktiviti keusahawanan di kawasan kampung masing-masing.

Dengan adanya inisiatif ini, pihak kementerian mengharapkan penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat dan ahli ketua-ketua kampung untuk sama-sama membantu anak-anak kampung berkecimpung dalam bidang keusahawanan yang boleh menyumbang kepada sosioekonomi negara.

2. Pembangunan Infrastruktur

Peningkatan ketahanan serta perkembangan kemudahan infrastruktur bagi mendukung perkhidmatan yang berkesan kepada orang ramai juga menjadi focus utama terutamasekali dalam menjamin:-

a. Sekuriti Sumber Air dan Perkhidmatan Bekalan Air

Permohonan bagi kajian kemungkinan bagi tujuan pengangkutan sumber air di Daerah Temburong (transboundary water) ke Daerah Brunei Muara adalah termasuk dalam perancangan kementerian ini di bawah sektor kemajuan infrastruktur. Usaha ini adalah bagi mendukung tambahan bekalan air ke Daerah Brunei Muara yang mana di sarankan sebagai satu kontigensi bekalan air negara jangka panjang. Selain dari usaha penggantian paip air dan usaha bagi menurunkan masalah kebocoran (Non Revenue for Water) di sebabkan oleh sebahagian sistem paip air yang sudah lama dan mengalami kekerapan kebocoran, kajian kemungkinan ini akan dapat menyumbang kepada pencapaian pelan tindakan bagi memenuhi pelan strategi pihak kementerian dalam menjamin bekalan air yang berterusan. Kementerian Pembangunan juga mengambil maklum akan keluhan orang ramai mengenai kekerapan gangguan dan penutupan bekalan air dan mengambil masa yang panjang untuk diperbaiki. Walaupun perkara ini memang tidak dapat dielakkan tetapi pihak kementerian akan berusaha menangani perkara ini secara berterusan dari semasa ke semasa.

Mengenai dengan cadangan pemasangan smart prepaid meter, pada masa ini ia dalam penelitian untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula pada penghujung tahun ini; iaadalah bertujuan bagi menggalakkan penggunaan air secara berhemah. Ini juga adalah bagi menangani isu bebanan tunggakan air yang berlanjutan yang dihadapi oleh kementerian pada masa ini. Beberapa

usaha lanjut dalam peningkatan polisi, teknologi dan perubahan minda juga sedang diungkayahkan bagi mempraktikkan penjimatan dalam penggunaan air.

b. Perumahan

Dalam usaha mencapai matlamat Wawasan 2035 dalam meningkatkan peratus pemilihan kediaman sebanyak 85% dan bagi memastikan Skim Perumahan Negara dapat berdaya tahan, pihak Kementerian Pembangunan bersama agensi-agensi kerajaan yang berkenaan sedang merumus pensejajaran program bantuan perumahan secara holistik dan integrasi dengan agensi-agensi Kerajaan dan seterusnya mengkaji alternatif Perkongsian Awam - Swasta yakni 'Public Private Partnership' (PPP) ke arah mengurangkan kos perbelanjaan program RPN dan konsep commercialisation juga turut giat dilaksanakan bagi mendukung kegiatan sosioekonomi negara.

Pada masa ini, pihak kementerian telah pun bekerjasama dengan pihak GLC Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu P-kiub bagi sama-sama membincangkan tatacara kaedah PPP bagi projek perumahan yang mana insyaaAllah akan dilaksanakan pada penghujung tahun 2019 ini. Bagi perumahan H40 pula, penyediaan garis pandu dan perjanjian kediaman sedang dalam progres penyiapan untuk dibukakan kepada pemohon-pemohon Skim Perumahan Negara yang layak.

3. Isu Alam Sekitar

Pembersihan Sungai Brunei juga turut menyumbang kepada pengawalan isu global marine debris dengan penglibatan dari semua lapisan masyarakat. Melalui usaha Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Alhamdulillah pertukaran minda terutama sekali di kalangan golongan muda telah mencapai pendekatan yang positif dalam sama-sama menjaga dan menjamin kebersihan dan keindahan negara. Ini dapat dilihat dari penglibatan semua pihak termasuk pihak swasta dan NGO's dalam sama-sama menguatkan kesedaran orang ramai untuk melibatkan diri bagi membuat perubahan.

Keberkesanan usaha perubahan minda melalui inisiatif 'Setiap Hari Tanpa Beg Plastik' yang bermula dari 1 Januari 2019 dan penaikan cukai sebanyak 3% terhadap pengimportan produk-produk plastik, telah dapat dilihat dan usaha ini sedang dilaratkan ke semua pihak lapisan perniagaan terutama sekali kedai-kedai runcit dan vendor makanan.

Usaha melindungi dan memelihara alam persekitaran perlu selaras dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 di mana negara perlu meningkatkan kecekapan dalam pengurusan alam sekitar secara bersistematik. Ke arah

ini penekanan ke arah putaran ekonomi atau circular economy perlu diberi perhatian khusus supaya negara kita tidak ketinggalan dari segi teknologi yang boleh menangani isu-isu alam sekitar. Penglibatan dari pelbagai pihak dan sektor memainkan peranan yang penting bagi sama-sama mendukung Matlamat Wawasan Negara 2035 di mana perlindungan alam sekitar adalah termasuk dalam salah satu tanggungjawab Kementerian Pembangunan sepertimana yang dinyatakan dalam Pelan Strategik 2018-2023 iaitu untuk mencapai pembangunan yang seimbang dalam aspek-aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar di negara ini bagi menjamin generasi hari ini dan masa depan.

4. Industrial Revolution 4.0

Kementerian Pembangunan juga bertanggungjawab di dalam mendukung Majlis Ekonomi Digital yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian untuk mendukung ke arah hasrat negara sebagai Smart Nation.

Sebagai langkah ke arah ekonomi digital, pihak kementerian pada masa ini sedang merebiu pelan strategik kementerian khususnya untuk menjadikan kementerian ini sebagai 'Smart MOD' iaitu dengan mengenal pasti perkhidmatan yang sedia ada boleh diintegrasikan dan seterusnya didigitalkan bagi memudahkan cara proses permohonan.

Perkhidmatan digital di Kementerian Pembangunan masih di tahap minimal yang mana orang ramai boleh memilih untuk menghadapkan permohonan ke kaunter perkhidmatan. Oleh yang demikian, sebagai langkah pertama untuk menjadikan Smart MOD, pada masa ini, pihak kementerian sedang mengenal pasti perkhidmatan yang ada untuk disatukan dalam satu aplikasi yang mana orang ramai boleh menggunakannya dengan satu klik sahaja. Ini bukan saja memudahkan kementerian dalam mengutip bayaran, ia juga akan menyenangkan orang ramai untuk membuat permohonan dan transaksi dengan semua jabatan-jabatan di kementerian ini.

Kementerian Pembangunan akan sentiasa bersedia memikul amanah di dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk adalah terjamin melalui penyediaan prasarana dan pelan perancangan yang menyeluruh.

Ini adalah termasuk perancangan dalam meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan yang sedia ada seperti yang peramba / kaola / saya sebutkan tadi. Sekian itu saja yang dapat dikongsikan dan semoga permuzakarah kita pada pagi ini akan memberikan hasil yang dihasratkan dan dapat menanam semangat dan usaha perpaduan dalam usaha kita sama-sama mencapai ke arah visi negara 2035.

Wabillahi Taufik Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sukan

INFO SUKAN

PASUKAN Brunei DPMM FC berjaya merangkul kembali Piala Liga Perdana Singapura bagi musim 2019 selepas menewaskan Hougang United FC, 5 - 4 pada perlawanan yang berlangsung pada 29 September lalu.



ePaper Pelita Brunei

Pemanah Brunei raih 40 teratas



KETUA Pasukan, Mohammad Shah Rezza bin Nassaruddin mengikuti Kategori Compound 50 Meter dan dua wakil lagi mengikuti Kategori Recurve 70 Meter, iaitu Khairul Ariffin bin Haji Baha dan Muhammad Azry Masria Al-Asri bin Haji Masri, di mana pasukan negara berjaya meraih tempat 40 teratas (top 40) dalam kalangan 200 peserta yang bersaing dengan negara-negara seperti Singapura, Filipina, Malaysia, Australia dan Rusia.

Berita dan Foto :
Persatuan Memanah Negara Brunei Darussalam

REPUBLIK SINGAPURA, Isnin, 30 September. - Tiga peserta pemanah dari Negara Brunei Darussalam telah mengikuti acara Pertandingan Memanah Terbuka Singapura 2019.

Ketua Pasukan, Mohammad Shah Rezza bin Nassaruddin mengikuti Kategori Compound 50 Meter dan dua wakil lagi mengikuti Kategori Recurve 70 Meter, iaitu Khairul Ariffin bin Haji Baha dan Muhammad Azry Masria Al-Asri bin Haji Masri.

Pasukan Brunei telah berjaya meraih tempat 40 teratas (top 40) dalam kalangan 200 peserta yang bersaing dengan negara-negara seperti Singapura, Filipina, Malaysia, Australia dan Rusia.

Dengan penyertaan oleh wakil atlet dari Negara Brunei Darussalam ia diharap dapat meningkatkan lagi semangat semua ahli pemanah dan terus bersaing bagi menempah nama negara hingga ke persada antarabangsa.

PESERTA pemanah dari Negara Brunei Darussalam mengikuti acara Pertandingan Memanah Terbuka Singapura 2019.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'ORANG BERJAYA MENDEKATKAN DIRI KEPADA ALLAH, MENDAPAT GANJARAN PAHALA SANGAT BESAR'

دتر بیتکن اوله جباتن قدر اغن، جباتن فردان منتري دان دچیتقن اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam